

"SESUNGGUHNYA orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10.

5 PENUNTUT TERIMA ANUGERAH BIASISWA 'SULTAN'S SCHOLAR' YSHHB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai bersama para penerima Biasiswa 'Sultan's Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2026/2027 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 3 hingga 4).

Kekuatan hafazan diperkasa dengan kefahaman *tadabbur* berlandaskan akidah

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BERAKAS, Rabu, 2 September. - Sesungguhnya kejayaan menamatkan pengajian tahfiz bukanlah noktah akhir, bahkan merupakan permulaan kepada menantai amanah yang lebih besar. Penguasaan pelbagai disiplin ilmu Al-Quran termasuk tajwid, qiraat, tafsir, Ulum Al-Quran dan *tadabbur* merupakan khazanah keilmuan yang amat bernilai bagi membina masyarakat celik Kalamullah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Hafut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Ke-14 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),

hari ini.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah inayah, rahmat serta taufik-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama berhimpun dalam suasana yang penuh keberkatan ini, bagi menyempurnakan Majlis Hafut Takharruj ITQSHHB Ke-14.

>> Muka 5

Majlis Maulid Akbar perkukuh kecintaan kepada Rasulullah

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Majlis Maulid Akbar bersempena sambutan Maulidur Rasul yang berlangsung di Balai Khazanah

Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) malam tadi menjadi wadah bagi umat Islam memperkukuhkan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menghayati sirah, ajaran dan perjuangan Baginda.

>> Muka 9

Berita Utama



MEMUPUK kesedaran peranan Harta Intelek dalam industri sukan

Muka 15



MESYUARAT bincang perkembangan, hala tuju kerjasama serantau

Muka 17



UNN, Vobile perkukuh kerjasama dalam pembangunan infrastruktur AI

Muka 20



RENCANA

MENGHADAPI jerebu serta kesannya

Muka 27

Kerakyatan membawa amanah, kesetiaan menjadi tonggak kemajuan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihiee
Wasahbihee Ajama'een
Assalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik dan izin-Nya jua, *kitani* dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini iaitu sempena Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-45.

Alhamdulillah, sejak tahun 2022 hingga kini, seramai 8,471 orang telah dikurniakan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD). Pengurniaan ini mencerminkan kasih sayang dan pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap penduduk tetap yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mendapatkan taraf sebagai rakyat NBD sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan, Penggal 15. Pada masa yang sama, pengurniaan ini akan menjadi pemangkin kepada pembinaan negara, memupuk rasa kekitaan, mengeratkan perpaduan serta dapat menikmati hak dan melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dengan penuh amanah dan kesetiaan kepada raja, agama, bangsa dan negara.

Setiap rakyat memainkan peranan penting

dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035. Pembangunan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada dasar dan inisiatif kerajaan, malah memerlukan penyertaan aktif, komitmen serta rasa tanggungjawab daripada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Oleh itu, kita hendaklah menghargai pengurniaan ini dengan menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menjunjung tinggi Perlembagaan Negara serta falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) dan sentiasa mematuhi undang-undang negara. Kesetiaan dan kepatuhan ini adalah asas kepada keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara kita.

Dalam mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035, rakyat perlu terus meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan daya saing, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat serta bersedia menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan keperluan ekonomi masa hadapan. Pada masa yang sama, nilai-nilai integriti, disiplin, amanah, semangat suka rela dan perpaduan hendaklah terus diperkukuhkan sebagai asas pembentukan masyarakat yang berdaya tahan dan progresif. Selain itu, setiap rakyat adalah bertanggungjawab dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi, menjaga keharmonian masyarakat yang berbilang latar belakang, memelihara alam sekitar, serta mempamerkan akhlak, adab dan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan.

Sesungguhnya, mencapai Wawasan

Brunei 2035 merupakan tanggungjawab bersama. Apabila setiap rakyat melaksanakan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi, semangat patriotisme dan rasa cinta kepada raja dan negara, insyaaAllah hasrat untuk menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan akan dapat direalisasikan.

Ingin peramba / saya memetik Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Kali Ke-41 pada tahun 2025 yang antara lain menitahkan "...Sesebuah negara adalah ibarat sebuah rumah besar. Kekuatannya bukan sahaja bergantung kepada tiang dan dinding yang kukuh, tetapi juga setiap penghuninya mestilah sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya. Kejayaan dan kemakmuran negara tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, bahkan setiap lapisan masyarakat mestilah turut berperanan sama. Sebagai warganegara yang baik, tidak siapa pun yang boleh berkecuali dalam membangun negara. Banyak atau sedikit sumbangan masing-masing, itulah jasa dan pengorbanan namanya".

Dalam era digital yang semakin berkembang, media sosial telah menjadi medium utama untuk berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan berkongsi pandangan. Namun demikian, kebebasan



MENTERI Penyelaras bagi Dasar-dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-45 pada Khamis, 9 Julai 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

menggunakan media sosial hendaklah disertai dengan tanggungjawab sivik digital dengan mengelakkan penyebaran maklumat palsu, menggunakan teknologi dengan penuh etika, bijaksana dan berhemah. Setiap rakyat mempunyai peranan penting untuk memastikan platform ini dimanfaatkan bagi tujuan yang membawa kebaikan, memperkukuh perpaduan serta menyebarkan maklumat yang sahih dan bermanfaat.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG											
SEPTEMBER	RABIULAWAL										
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
5	SABTU	23	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.34	
6	AHAD	24	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.23	6.24	7.34	
7	ISNIN	25	4.45	4.55	6.13	6.35	12.20	3.22	6.24	7.33	
8	SELASA	26	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.21	6.23	7.33	
9	RABU	27	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.20	6.23	7.32	
10	KHAMIS	28	4.45	4.55	6.12	6.35	12.18	3.18	6.22	7.32	
11	JUMAAT	29	4.45	4.55	6.12	6.34	12.18	3.18	6.22	7.31	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
34 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
		
Pekan Bangar		
34 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
		
Pekan Tutong		
34 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
		
Kuala Belait		
34 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
		

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 5 SEPTEMBER 2026

Kepentingan celik kewangan dalam kehidupan seharian

DALAM dunia yang serba pantas dan tidak menentu ini, celik kewangan bukan lagi satu kemewahan, tetapi satu keperluan asas untuk semua orang. Celik kewangan bermaksud keupayaan untuk memahami, menganalisis, dan menguruskan kewangan peribadi dengan berkesan. Ia merangkumi kemahiran seperti membuat belanjawan, menyimpan, melabur, dan menguruskan hutang.

Mempunyai kecekapan kewangan memberi seseorang itu kawalan penuh terhadap masa depan mereka. Dengan memahami aliran wang masuk dan keluar, seseorang dapat merancang perbelanjaan dengan bijak dan mengelakkan pembaziran. Mereka juga boleh menetapkan matlamat kewangan yang realistik, seperti membeli rumah, melanjutkan pelajaran, atau memulakan perniagaan. Tanpa pengetahuan ini, matlamat tersebut hanya akan menjadi angan-angan kerana tidak ada perancangan yang sistematis.

Seorang yang celik kewangan boleh dilihat sebagai seorang yang mempunyai benteng perlindungan terbaik terhadap hutang yang tidak terkawal. Kad kredit dan pinjaman peribadi memang memudahkan hidup, tetapi jika tidak diurus dengan baik, ia boleh menjadi beban yang menghancurkan. Individu yang celik kewangan tahu cara membandingkan kadar faedah, memahami terma dan syarat pinjaman, serta mengelakkan perangkap 'bayaran minimum' yang menyebabkan hutang terus meningkat. Mereka juga lebih berdisiplin untuk menyimpan dana kecemasan bagi menghadapi situasi yang tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan atau kecemasan perubatan.

Di peringkat yang lebih luas, masyarakat yang celik kewangan akan menyumbang kepada ekonomi negara yang lebih stabil. Apabila rakyat bijak mengurus wang, kadar simpanan meningkat, pelaburan tempatan bertambah, dan pergantungan kepada bantuan kerajaan berkurang. Ini mewujudkan ekosistem ekonomi yang sihat dan mampan untuk semua. Wawasan Brunei 2035 menekankan pembentukan generasi berpendidikan dan bersedia menghadapi masa depan yang memerlukan kepakaran dalam teknologi dan inovasi. Celik kewangan melengkapkan modal insan ini dengan kebolehan mengurus kewangan peribadi, membuat keputusan pelaburan yang bijak, dan memahami produk kewangan patuh Syariah.

Kesimpulannya, celik kewangan adalah kemahiran hidup yang paling praktikal dan berharga. Ia bukan sahaja membantu seseorang mengelakkan masalah kewangan, tetapi juga memberi kebebasan dan ketenangan fikiran untuk menikmati kehidupan dengan lebih bermakna. Setiap individu bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan kewangan mereka sendiri, manakala pihak kerajaan dan institusi pendidikan perlu menyediakan platform yang menyokong usaha ini. Ingatlah, kekayaan sebenar bukanlah berapa banyak wang yang anda peroleh, tetapi seberapa bijak anda menguruskan wang tersebut. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

5 penuntut terima Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2026/2027. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (kiri). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah biasiswa kepada Dayangku Nurul Fadhlina Natasya binti Pengiran Haji Shahril Azman.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Awang Haji Abas

tadi berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2026/2027 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke majlis berkenaan ialah paduka-paduka

anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah biasiswa kepada Dayang Ah Lee Jing Jing dan Awang Syed Abd. Rahman bin Syed Azmal (atas kiri dan atas kanan).



Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Pada tahun ini, seramai lima penuntut telah berjaya menerima Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi Sesi Pengajian 2026/2027 untuk melanjutkan pengajian di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) terkemuka di luar negara, iaitu Dayangku Nurul Fadhlina Natasya binti Pengiran Haji Shahril Azman, lepasan Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah Islamiyyah (BA Syariah Islamiyyah) di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

>> Muka 4

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan anugerah biasiswa kepada Dayang Syasya Amalya binti Haji Mohamad Saiful Bahrin dan Dayang Farah Aliyah binti Abdul Rahman (kiri sekali dan kiri).



BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kiri, sekitar majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

>> Muka 3

Sementara Dayang Ah Lee Jing Jing, lepasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Pergigian (Bachelor of Dental Science) di Trinity College Dublin, Republik Ireland; manakala Awang Syed Abd. Rahman bin Syed Azmal, lepasan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Bachelor of Engineering-Electrical Engineering) di University of New South Wales, Sydney, Australia.

Manakala Dayang Syasya Amalya binti Haji Mohamad Saiful Bahrin, lepasan JIS pula akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda

Perubatan dan Pembedahan (Medicine MBChB) di University of Dundee, Scotland, United Kingdom; sementara Dayang Farah Alyah binti Abdul Rahman,

juga lepasan JIS, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Perancangan Bandar dan Hartanah (BSc Urban

Planning and Real Estate) di University College London, United Kingdom.


Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan,

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan beramah mesra dengan para penerima Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar'.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar'.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan yang berkenaan dan Pegawai-pegawai YSHHB; sebahagian Alumni 'Sultan's Scholar' YSHHB dan sebahagian pengetua-pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama Dayangku Nurul Fadhilina Natasya serta keluarga dan Dayang Ah Lee Jing Jing serta keluarga (atas kiri dan atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar bersama Awang Syed Abd. Rahman serta keluarga dan seterusnya baginda berkenan beramah mesra bersama Dayang Syasya Amalya serta keluarga (kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama Dayang Farah Alyah (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



KEKUATAN HAFAZAN DIPERKASA DENGAN KEFAHAMAN 'TADABBUR' BERLANDASKAN AKIDAH

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Kejayaan ini adalah hasil daripada keutuhan iltizam, ketekunan serta istiqamah sepanjang menempuh proses pembelajaran yang menuntut kesabaran dan pengorbanan yang tinggi.

Duli Yang Teramat Mulia juga merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga atas doa dan sokongan murni serta barisan tenaga pengajar dan seluruh warga institut atas curahan bimbingan yang amat bernilai.

"Majlis pada hari ini, merupakan peristiwa bersejarah dalam perkembangan institut, dengan meraikan seramai 38 penerima syahadah daripada pengambilan sulung Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat' sesi kemasukan tahun 2023.

"Pencapaian ini mencerminkan usaha berterusan institut dalam memperkasa bidang pengajian Al-Quran agar sentiasa berkembang selaras dengan keperluan negara, khususnya dalam melestarikan tradisi keilmuan Islam yang muktabar," sabda DYT. M.

Sabda DYT. M. lagi, para graduan berpotensi besar untuk memperluas peranan sebagai huffaz profesional yang berdaya saing, berpaksi kepada tradisi keilmuan yang dipelihara turun - temurun serta mampu berdikari membawa penghayatan nilai Al-Quran dalam pelbagai lapangan kehidupan demi pembangunan ummah.

Pada hemat DYT. M., dalam melestarikan kecemerlangan bidang ini, pembangunan profesional tenaga pengajar harus diberikan perhatian yang sewajarnya. Ini merangkumi membuka ruang dan peluang bagi mereka mempertingkatkan kelayakan akademik, memperluas budaya penyelidikan, serta menghasilkan karya ilmiah berwibawa, khususnya dalam memperkukuh kurikulum pengajian Al-Quran negara.

"Perkara ini bertepatan dengan titah paduka ayahanda semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara 1446H, bahawa antara harapan tinggi negara adalah untuk melihat 'guru-guru yang berkaliber, khasnya guru-guru Al-Quran yang mampu untuk melahirkan generasi cemerlang dalam bidang Al-Quran', di samping memberi jaminan bahawa kerajaan baginda akan sentiasa memberi keutamaan kepada bidang pengajian Al-Quran," sabda DYT. M. lagi.

Sehubungan itu, sabda DYT. M. menegaskan, kekuatan hafazan wajib disempurnakan dengan kefahaman *tadabbur* yang sahih berlandaskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, agar kita sentiasa terhindar daripada fahaman yang menyimpang. Penghayatan Al-Quran melalui tilawah yang tartil, *ta'lim* dan *tazkiyah* berupaya membentuk sahsiah huffaz sebagai *qudwah hassanah*, iaitu contoh teladan yang baik kepada masyarakat.

DYT. M. seterusnya bersabda, dalam mendepani arus pemodenan, kemajuan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) wajar dimanfaatkan sebaik-baiknya sebagai wahana bantu penyebaran ilmu dan bukan sebaliknya. Walau bagaimanapun, kecerdasan buatan tidak sesekali dapat menggantikan keutamaan guru, kerana kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* kekal sebagai asas mutlak dalam memelihara keaslian sanad bacaan dan kefahaman Al-Quran.

Pada masa yang sama, sabda DYT. M. lagi, aspek pembangunan insan tidak boleh diketepikan. Pemerkasaan kemahiran insaniah melalui latihan peningkatan keupayaan, termasuk jalinan kerjasama strategik bersama Pusat Pembangunan Belia, amat bertepatan bagi melahirkan graduan yang memiliki daya kepimpinan, semangat kerja berpasukan serta ketahanan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Ke-14 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

diri yang kukuh dalam mendepani realiti pasaran kerjaya.

Justeru, DYT. M. menyeru para graduan agar terus memelihara hafazan, memperkaya khazanah ilmu dan menjunjung tinggi adab Al-Quran dalam apa jua bidang yang diceburi. Bawalah amanah ini sebagai penjaga Kalamullah yang memartabatkan syiar Islam demi merealisasikan hasrat murni paduka ayahanda membangunkan sebuah Negara Zikir.

"Sebagai penutup, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada

para graduan serta keluarga dan ucapan terima kasih kepada Ahli Lembaga Institut serta seluruh Jawatankuasa Pengelola Majlis.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan taufik dan hidayah-Nya, memberkati para graduan dengan kekuatan untuk terus memelihara hafazan, memperkukuh keilmuan serta kekal istiqamah berbakti demi agama, raja, bangsa dan negara. Semoga segala usaha murni semua pihak yang menjayakan majlis ini dibalas dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda," sabda DYT. M.

Haflut Takharruj ITQSHHB raikan 38 graduan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Ke-14, Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM. (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Rabu, 2 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM)



berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Ke-14, Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, pagi tadi.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di JPM.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa

dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar dan Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit serta Ahli-ahli Lembaga dan Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat

suci Al-Quran berserta inti sari ayat daripada Surah Al-Fath, bermula ayat 1 hingga 7 dengan bacaan qiraat, riwayat Warsh daripada Imam Nafi' yang dibacakan oleh graduan Haflut Takharruj ITQSHHB Ke-14, Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhamad Saleh.

Beliau merupakan penerima Elaun Ujian Tasmie 10 Juz dan aktif mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara, dengan meraih naib johan dalam Kategori 'C' pada tahun 2021 dan 2022 serta mendapat tempat ketiga dalam Kategori 'C' pada tahun 2023 dan mendapat tempat ketiga dalam Kategori 'D' pada tahun 2026.

>> Muka 6





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat kepada para penerima (kiri dan kiri sekali).

>> Muka 5

Sementara inti sari ayat dibacakan oleh Awang Muhammad Nur Safwan bin Awang Asli yang juga graduan Hafut Takharuj ITQSHHB Ke-14. Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan mengurniakan sabda. Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia berkenan



menyempurnakan pengurniaan penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat kepada 38 graduan ITQSHHB.

Pengurniaan Syahadah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat kepada graduan kali ini terdiri daripada 19 siswa dan 19 siswi di mana seramai 28 penerima pangkat Mumtaz (Cemerlang) dan 10 penerima pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik).

Sejurus itu, laungan takbir,

tahmid dan selawat dikumandangkan diikuti dengan sembah ucapan wakil graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Muhammad Hassanul Jamsyir Ali bin Jais yang merupakan penerima Elaun Ujian Tasmie 30 Juz dan merupakan wakil Negara Brunei Darussalam ke 45th King Abdul Aziz International Competition for Memorization, Recitation and Interpretation of The Quran di Makkah Al-Mukarramah pada

tahun 2025M.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie. Seterusnya, DYTJ dijunjung untuk berangkat menyaksikan Pameran Perkembangan dan Pencapaian Diploma 'Aliyah Qiraat yang diadakan di Dewan Muzakarah.

Pameran tersebut mengetengahkan perkembangan serta pencapaian Diploma 'Aliyah Qiraat sejak penubuhannya, termasuk senarai penerima 'Sultan's Scholar', pencapaian para alumni dan graduan yang kini berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan serta pasukan beruniform, di samping



SEMBAH ucapan wakil graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Muhammad Hassanul Jamsyir Ali bin Jais (kiri sekali), manakala gambar kiri, persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berserta inti sari ayat.

penglibatan siswa dan siswi di Pusat Pembangunan Belia dalam pelbagai bidang kemahiran hidup.

Penganugerahan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Al-Quran kepada para graduan ITQSHHB adalah sebagai pengiktirafan atas kejayaan para siswa-siswi khusus dalam bidang hafazan Al-Quran dan ilmu qiraat sekali gus merealisasikan Visi Institut berkenaan sebagai sebuah institusi tahfiz dan perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Penubuhan ITQSHHB adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-46 pada 15 Julai 1992.

Pada Jumaat, 8 Rejab 1413H bersamaan 1 Januari 1993M, ITQSHHB secara rasminya ditubuhkan dengan pengambilan pertamanya seramai 45 orang pelajar pertama.

>> Muka 7



SUASANA pada Majlis Hafut Takharuj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448H / 2026H (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar bersama graduan dan seterusnya menyaksikan pameran (atas kiri dan atas kanan).



>> Muka 6

ITQSHHB merupakan sebuah institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran di peringkat diploma, peringkat menengah dan pengajian hafazan bagi orang awam dan pengajian hafazan bagi Orang Berkeperluan Khas (Orang Kurang Upaya penglihatan) yang menggabungkan hafazan Al-Quran dan ilmu-ilmu Al-Quran sebagai dasar di samping mata pelajaran yang lain.

ITQSHHB maju setapak lagi dengan penubuhan pertama Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat pada bulan Ogos 2010 dan institusi tersebut telah pun melahirkan seramai 38 orang graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat kohort yang pertama. Peratus siswa siswi yang mencapai pangkat Mumtaz adalah sebanyak 73.7 peratus (sesi pengajian 2023 - 2026).

Sementara itu, graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang akan melanjutkan pengajian di peringkat tinggi iaitu 23 orang ke Shoubra, Mesir, tiga orang ke Malaysia dan sembilan orang ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali.



DULI Yang Teramat Mulia dan adinda DYTJM dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Memastikan mutu pengajian, khidmat ITQSHHB terus diperkukuhkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Rabu, 2 September. - Penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) merupakan suatu rahmat dan nikmat yang besar, lahir daripada hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memartabatkan pengajian Al-Quran di negara ini.

Amanah tersebut akan sentiasa dipelihara dengan memastikan mutu pengajian, pengurusan dan khidmat Institut terus diperkukuhkan.

Perkara demikian disebarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan pada Majlis Haflut Takharuj ITQSHHB Ke-14, Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi.

Sembah Yang Berhormat, para graduan yang diraikan telah memperoleh peluang yang amat berharga untuk mengikuti pengajian di ITQSHHB, sebuah institusi tahfiz kerajaan yang khusus mendidik generasi penghafaz Al-Quran di negara ini.

"Peluang tersebut hendaklah disyukuri dengan memelihara hafazan, mengamalkan ajaran Al-Quran dan memanfaatkan ilmu bagi kebaikan masyarakat. Sesungguhnya, hafazan Al-Quran ialah anugerah yang besar, sekali gus amanah yang menuntut kesungguhan dan istiqamah sepanjang hayat," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu, bagi pihak Ahli-ahli Lembaga dan seluruh warga ITQSHHB, Yang Berhormat sukacita menyembahkan sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

berangkat ke Majlis Haflut Takharuj Ke-14, seterusnya berkenan mengumukan sabda dan menyempurnakan penganugerahan Sijil Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang diiktiraf setaraf dengan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma).

Sesungguhnya sembah Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah amat besar maknanya dan menyemarakkan lagi Majlis Haflut Takharuj ini dan keberangkatan ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota terhadap kemajuan pendidikan dan perkembangan Institut, bahkan menjadi sumber dorongan kepada para graduan untuk terus berbakti kepada ugama, raja dan negara.

"Abis hamba Duli Tuanku sekalian dengan penuh kesyukuran berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada Duli Tuanku serta kerabat Duli Tuanku, di samping mengumiakan nikmat sihat walafiat dan kebahagiaan yang berkekalan," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, Alhamdulillah, sejak kumpulan pertama Program Diploma 'Aliyah Qiraat dianugerahkan sijil pada tahun 2013, institut telah melahirkan seramai 306 orang graduan, termasuk 38 orang yang diraikan pada tahun ini. Daripada jumlah tersebut sembah Yang Berhormat lagi, 28 orang memperoleh pangkat Mumtaz dan 10 orang memperoleh pangkat Jayyid Jiddan.

Yang Berhormat menyebarkan, para graduan pada tahun ini merupakan kumpulan pertama Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat bagi Sesi Pengajian 2023-2026 di mana penaiktarafan program ini turut memperluas kandungan pengajian, antaranya melalui pengenalan ilmu Dhabt

Al-Quran, iaitu ilmu berkaitan tanda, simbol dan baris dalam penulisan mushaf yang membantu memelihara ketepatan bacaan Al-Quran.

"Modul-modul pengajian turut diperkukuh dan dikemas kini dari segi kandungan bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan kekal relevan dan komprehensif. Pemantapan ini meliputi Modul Teras, antaranya Rasm Al-Quran dan Tarannum Bil-Quran, serta Modul Wajib seperti Bahasa Arab, Al-Fiqh Al-Islami wa Usuluh dan Tafsir Al-Quran," sembah Yang Berhormat.

Di samping itu, sembah Yang Berhormat lagi, elemen kokurikulum turut diperkenalkan sebagai salah satu Modul Elektif bagi memperluas pengalaman pembelajaran pelajar serta menyokong pembangunan kemahiran, sahsiah dan potensi mereka secara lebih menyeluruh.

Dengan pengukuhan kurikulum tersebut, sembah Yang Berhormat, para graduan dibekalkan dengan pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu Al-Quran sebagai teras serta kemahiran lain yang bermanfaat.

Bersempena dengan graduasi kumpulan pertama ini, sembah Yang Berhormat, pihak institut turut mengadakan pameran yang memaparkan perkembangan dan pencapaian Alumni Diploma 'Aliyah Qiraat.

Dalam sembah Yang Berhormat lagi, mengongsikan, pameran tersebut mengetengahkan sumbangan, laluan kerjaya dan bidang khidmat alumni, sekali gus memberi gambaran kepada para graduan dan pengunjung tentang luasnya ruang untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Turut disebarkan bahawa sumbangan alumni Institut tidak terhenti pada kejayaan akademik di mana sejak tahun 2013 Haflut Takharuj dilaksanakan, para graduan lepasan Institut Tahfiz terus mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan ilmu, dakwah dan khidmat masyarakat, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Pada tahun ini, pada bulan Jun 2026 sembah Yang Berhormat, alumni turut terlibat secara langsung dalam menjayakan Simposium

Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Kedua sempena Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) sebagai pembentang kertas kerja dan peserta.

"Mereka turut menyumbangkan pandangan, pengalaman serta buah fikiran dalam sesi perbincangan yang membantu perumusan resolusi simposium berkenaan. Penglibatan ini mencerminkan keupayaan alumni untuk terus menyumbang secara ilmiah dan profesional kepada perkembangan serta pemeraksanaan pendidikan tahfiz Al-Quran di NBD," sembah Yang Berhormat.

Selain itu, sembah Yang Berhormat lagi, alumni turut menyertai Program Belia Da'ie dan pelbagai kegiatan dakwah anjuran Pusat Da'wah Islamiah serta agensi-agensi berkaitan bagi membangunkan kemahiran penyampaian dakwah dan komunikasi berkesan serta keupayaan menghasilkan kandungan digital yang kreatif, beretika dan berimpak untuk disampaikan melalui platform digital dan media sosial sebagai medium dakwah kontemporari yang relevan dengan perkembangan semasa.

Pada bulan Ramadan yang lalu sembah Yang Berhormat, atas jemputan, seorang orang alumni telah dihantar ke Jepun untuk berkhidmat sebagai imam Solat Tarawih sepanjang bulan Ramadan di samping menyampaikan tazkirah dan khutbah Jumaat di mana penugasan tersebut merupakan sumbangan NBD dalam turut memenuhi keperluan keagamaan masyarakat Islam di Jepun.

Manakala di NBD, Yang Berhormat menyebarkan, Alhamdulillah, setiap Ramadan, sebahagian pelajar dan alumni institut berkhidmat sebagai imam solat tarawih di masjid-masjid dan berharap sumbangan ini menjadi amal jariah, bumi Darussalam disirami keberkatan dan mereka dikumiakan syafaat Al-Quran.

Dari segi kerjaya, alumni Institut kini berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta sembah Yang Berhormat, di mana sebahagian lepasan Diploma 'Aliyah Qiraat

kembali mencurahkan bakti sebagai tenaga pengajar, sama ada di peringkat menengah mahupun diploma di Institut ini.

"Sebahagian yang lain berkhidmat sebagai imam, anggota beruniform, pegawai dalam bidang kewangan dan dalam pelbagai jawatan lain. Kepelbagaian laluan kerjaya ini menggambarkan bahawa latar belakang pengajian tahfiz tidak membataskan ruang sumbangan para graduan, bahkan menjadi nilai tambah dalam perkhidmatan mereka," sembah Yang Berhormat.

Di samping sumbangan para alumni, institut turut memperluas khidmatnya kepada masyarakat sembah Yang Berhormat di mana pada masa ini, Kelas Pengajian Braille disertai oleh tujuh orang peserta.

Dalam sembah Yang Berhormat mengongsikan, pengajiannya merangkumi hafazan Al-Quran, di samping kategori pembelajaran asas-asas ugama seperti fiqh dan tauhid serta latihan asas menaip Braille di mana institut juga mengendalikan Pengajian Menghafaz Al-Quran bagi orang awam pada setiap Jumaat yang mana pada masa ini pelajarannya berjumlah seramai 183 orang pelajar.

Sembah Yang Berhormat, kedua-dua inisiatif ini memperluas akses kepada pengajian Al-Quran secara inklusif, di samping menjadi sumbangan Institut kepada masyarakat melalui penyediaan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Dalam sembah Yang Berhormat turut mendoakan semoga ITQSHHB akan terus berkembang maju dan memperkukuh sumbangannya kepada masyarakat dan negara.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sembah alu-aluannya.

BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA PERINGKAT NEGARA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



Kemuncak acara ialah Ceramah Khas yang disampaikan oleh Asma binti Harun, penceramah undangan daripada Malaysia, yang antara lain menggariskan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah utusan Allah yang membawa cahaya wahyu untuk membimbing manusia, membetulkan kepercayaan mereka dan menanam keyakinan yang teguh kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk kita menghayati bagaimana suluh akidah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mampu mengubah hati dan kehidupan manusia, beliau mengongsikan dua kisah insan daripada latar kehidupan yang berbeza tetapi hati mereka disinari oleh cahaya akidah yang sama iaitu kisah pertama mengenai Sayyidina Abu Bakar Al-Siddiq Radiallahuanhu yang mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi dari dirinya sendiri, dan kisah kedua ialah suluh akidah Sumayyah binti Khayyat Radiallahuanhu tentang iman yang tidak dapat dibeli dengan nyawa.

Mengakhiri ceramah beliau menerangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam datang membawa suluh yang menerangi hati manusia dengan cahaya ikatan hati dengan Allah Subhanahu Wata'ala, sementara Akidah ibarat akar pada sebatang pokok, syariat pula ialah batang dan cabangnya, manakala akhlak serta amal soleh ialah buahnya.

>> Muka 9

JERUDONG, Khamis, 3 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong, di sini.

Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut menjunjung, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar;

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Pemangku Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H; serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi, Penasihat-penasihat Bersama dan Ahli Jawatankuasa Kerja yang lain.

Sejurus itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berserta kerabat diraja diiringi masuk oleh Penasihat - penasihat Bersama; dan Pengerusi-pengerusi Bersama daripada Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448H terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); JPM; Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI); Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei; dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pemenang tempat ketiga Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026 Masihi, Dayang Nurhaneyah binti Nordin, sementara *tadabbur* dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff.

Aturcara kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah. Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (kiri dan atas).

Haji Jamil, selaku Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448H yang antara lain menyebarkan Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara tersebut adalah kali yang ke-33 sejak ia mula diadakan pada tahun 1416H bersamaan tahun 1995M.

Beliau turut menyebarkan tema Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah'.

Akidah yang lurus sembahnya, hendaklah dibina dan dipandu berlandaskan wahyu Allah Subhanahu Wata'ala, bukan semata-mata berasaskan pendapat, adat kebiasaan atau sangkaan manusia, manakala wahyu pula menjadi panduan kebenaran yang membimbing manusia agar tidak tersasar daripada jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sesungguhnya hidayah merupakan anugerah daripada

Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang ikhlas mencari kebenaran, berusaha mendekatkan diri kepada-Nya serta bersungguh - sungguh mengamalkan ajaran yang telah disyariatkan-Nya," sembah beliau.

Dalam pada itu, majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan pegawai dan kakitangan KHEU; JPM; KEPI; Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei; dan MWNBD.



SEMBAH alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Ceramah Khas yang disampaikan oleh Asma binti Harun. Sementara gambar gambar-gambar dibawah, suasana pada majlis berkenaan.





>> Muka 8

"Akar tidak kelihatan, tetapi akarlah yang menentukan sama ada pokok itu mampu berdiri ketika dilanda ribut. Begitu lah akidah. Ia berada di dalam hati, tetapi kekuatannya akan terlihat ketika kita diuji," jelas beliau lagi. Tambahnya, kita beriman kepada Allah al-'Alim, Yang Maha Mengetahui; Allah al-Mujib, Yang Maha Memperkenankan doa; dan Allah al-Wahhab, Yang Maha Mengurniakan pemberian. Maka akidah yang kuat, bukan menjadikan kita manusia yang tidak pernah bersedih, tetapi ketika kita bersedih, kita tidak pernah meninggalkan Allah

Subhanahu Wata'ala.

Sebagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) katanya, Brunei mungkin kecil pada ukuran peta, tetapi besar pada keberaniannya meletakkan Islam di tempat yang tertinggi.

Di bawah kepimpinan baginda sultan tambahnya, Islam bukan sekadar tercatat pada nama negara atau diraikan dalam majlis-majlis rasmi. Islam dijadikan jiwa negara melalui falsafah Melayu Islam Beraja dan gagasan Negara Zikir.

"Ketika negara berhadapan dengan ujian COVID-19, usaha kesihatan terus dilaksanakan. Namun pada masa yang sama, rakyat diajak kembali kepada

Allah.

"Melalui siaran radio dan televisyen, seawal pagi dialunkan bacaan Surah Yaa Siin. Rakyat diseru berdoa, beristighfar dan memohon perlindungan daripada Allah.

"Inilah suluh akidah yang diterjemahkan melalui kepimpinan," ujarnya.

Akidah tidak menyuruh kita meninggalkan usaha. Akidah mengajar kita supaya berusaha sedaya upaya, tetapi hati tetap bergantung sepenuhnya kepada Allah.

Sebagaimana titah baginda sultan: "Brunei ditanai dengan doa, dengan zikir dan dengan Al-Quran".

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Peringkat Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah. Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (kiri). Manakala gambar bawah, sekitar majlis berkenaan.

MasyaaAllah, sebuah negara bukan hanya menjadi kuat kerana kekayaan dan pembangunannya. Sebuah negara menjadi kuat apabila pemimpinnya membawa rakyat mengenal Allah dan mengingatkan bahawa di atas segala perancangan manusia, ada Allah Yang Maha Berkuasa.

Beliau juga mendoakan semoga suluhan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terus hidup dalam kepimpinan dan kehidupan seluruh rakyat NBD, dan semoga negara yang penuh

barakah ini terus menjadi Negara Zikir-negara yang bukan sahaja makmur pada zahirnya, tetapi subur iman dan akidah di dalam jiwa rakyatnya.

Sebagai penutup majlis, bacaan selawat dipersembahkan oleh pelajar-pelajar Skim Tilawah Al-Quran, Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina binti Pengiran Haji Piut.



MAJLIS MAULID AKBAR PERKUKUH KECINTAAN KEPADA RASULULLAH



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa menghadiri Majlis Maulid Akbar bersempena sambutan Maulidur Rasul yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas). Manakala gambar kanan, majlis diserikan dengan penyampaian tazkirah oleh Pensyarah Adjung, Fakulti Usuluddin UNISSA, Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

>> Muka 1

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri, Datin Dayang Fadzlin binti Haji Hashim; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji

Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan merangkap Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Acara kemudian diteruskan dengan persembahan qasidah oleh Munsyid Kyrel Al-Gayaui dan Ahmad Muaiyyad Az-Zubair bin Haji Umar Abdul Hakim bersama Kumpulan Ad-Dhiyaul Lami' As-Syarif dan Jabatan Penjara.

Majlis diserikan dengan penyampaian tazkirah oleh Pensyarah Adjung, Fakulti Usuluddin UNISSA, Profesor Dr Haji Abdul Somad yang membawa tajuk 'Memبina Generasi Ummah yang Beriman, Berilmu, Beramal dan Beradab Mulia'.

Dalam tazkirahnya, beliau menekankan pentingnya umat Islam memperkukuhkan kecintaan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping membina generasi yang berlandaskan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



iman, ilmu, amal dan akhlak yang mulia.

Beliau turut mengingatkan umat Islam supaya mempelajari sejarah dengan baik, khususnya sejarah perjuangan dan perkembangan umat Islam pada zaman terdahulu, agar setiap peristiwa dapat difahami berdasarkan konteks dan keadaan pada zamannya.

Antara yang turut dikongsikan ialah sejarah sambutan Maulidur Rasul serta catatan Imam al-Jazari mengenai kemeriahan umat Islam berkumpul di sekitar tempat kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Kota Mekah pada malam Maulid.

Profesor Dr. Haji Abdul Somad juga menyentuh mengenai amalan berselawat ke atas Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis, serta kepelbagaian bentuk selawat yang diamalkan oleh para ulama. Beliau seterusnya menyeru umat Islam agar terus menghidupkan amalan-amalan yang dapat meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan harapan memperoleh syafaat Baginda serta membentuk generasi ummah yang kukuh dari segi iman, ilmu, amal dan adab.

Acara diakhiri dengan sesi soal jawab bersama Profesor Dr. Haji Abdul Somad, yang memberi peluang kepada para hadirin untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung perkara-perkara yang dikongsikan dalam tazkirah berkenaan.

CONTOHI AKHLAK MULIA, ETIKA RASULULLAH DALAM ASPEK KEHIDUPAN



YANG Berhormat Menteri Penyelaras Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas Agama yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Jumaat, 4 September. - Ceramah Khas Agama bertajuk 'Akhlak, Barakah dan Literasi Kewangan' sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam diteruskan hari ini dengan menampilkan cendekiawan Islam terkenal antarabangsa, Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah; Ahli-ahli Lembaga

Pengarah BIBD; Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah; pihak pengurusan kanan serta para pegawai dan kakitangan daripada seluruh Kumpulan BIBD.

Ceramah Khas Agama yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu mencerminkan komitmen berterusan bank berkenaan dalam membentuk tenaga kerja yang berpengetahuan serta berpanduan nilai-nilai murni dan prinsip Maqasid Syariah.

Prinsip Maqasid Syariah antara lain bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan kesejahteraan individu, keluarga serta masyarakat. Menerusi ceramah berkenaan, para peserta turut diingatkan mengenai pentingnya mencontohi akhlak mulia dan etika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap aspek

kehidupan.

Ceramah juga menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian, termasuk dalam membentuk peribadi, melaksanakan tanggungjawab serta menjalankan amanah secara berintegriti dan berhemah.

Program yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama rakan-rakan strategiknya dengan sokongan BIBD itu bermula pada Khamis, 3 September 2026, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan dibuka kepada orang ramai.

Sesi berkenaan memberikan peluang kepada para peserta untuk menghayati akhlak terpuji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memahami kepentingannya dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi semasa.

Program tersebut turut menjadi

Pelanjutan pelaksanaan Home-Based Learning

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan pemantauan dan penilaian semula terhadap keadaan kualiti udara semasa, Pembelajaran Berasaskan Rumah (Home-Based Learning – HBL) bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (kerajaan dan swasta) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah agama, Arab dan Institut Tahfiz di bawah kawalan KHEU akan diteruskan pada Sabtu, 5 September 2026. Penilaian seterusnya akan dilaksanakan pada Ahad, 6 September 2026.

Ketetapan ini dibuat sebagai langkah berjaga-jaga berikutan keadaan jerebu yang masih berlanjutan, dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan para pelajar serta seluruh warga institusi pendidikan.

Sehubungan itu, institusi pendidikan berkenaan hendaklah terus mengaktifkan Pelan Kesenambungan Operasi (Business Continuity Plan – BCP) masing-masing bagi memastikan kesinambungan pembelajaran dan pengajaran.

Pelaksanaannya boleh dibuat secara dalam talian atau melalui Pek Pembelajaran di Rumah (Home Learning Pack – HLP), mengikut kesesuaian dan keperluan pelajar.

Bagi institusi pengajian tinggi, pengoperasian serta pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran adalah tertakluk kepada ketetapan institusi masing-masing, dengan mengambil kira keadaan kualiti udara semasa serta keselamatan dan kesejahteraan warga institusi. Kementerian Pendidikan dan KHEU akan terus memantau keadaan kualiti udara dari semasa ke semasa.

Ketetapan mengenai pengoperasian semula institusi pendidikan secara bersemuka adalah tertakluk kepada perkembangan dan keadaan kualiti udara semasa.

Kementerian Pendidikan dan KHEU merakamkan penghargaan atas kerjasama dan kefahaman para pelajar, ibu bapa dan penjaga serta seluruh warga institusi pendidikan dalam memastikan kelangsungan pembelajaran sepanjang tempoh ini.

wadah bagi masyarakat untuk memperkukuh kefahaman mengenai nilai-nilai Islam serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam pembentukan sahsiah dan pengurusan kewangan secara berhemah dan bertanggungjawab.

Perkongsian yang disampaikan turut menggalakkan setiap individu untuk memperkukuhkan keimanan, menjunjung nilai-nilai murni serta mengamalkan sikap berhemah dan berintegriti dalam pergaulan dengan orang lain.

Pada masa yang sama, para peserta diingatkan agar

menjauhi perbuatan yang boleh menimbulkan fitnah, menjejaskan maruah dan nama baik seseorang, atau mencetuskan perpecahan dalam kalangan masyarakat.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

HALUAN

>> Muka 2

Sehubungan itu, peramba / saya sukacita mengingatkan agar setiap rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa berfikir kritis sebelum berkongsi sesuatu maklumat, mengelakkan penyebaran berita yang tidak pasti kesahihannya, mengelakkan mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan fitnah, kebencian atau perpecahan serta sentiasa menghormati undang-undang negara dan berpegang teguh kepada nilai-nilai falsafah MIB.

Media sosial seharusnya dijadikan wadah untuk menyebarkan ilmu, memupuk persefahaman, memperkukuh semangat kenegaraan serta mempamerkan imej NBD sebagai sebuah negara zikir. Kemudahan teknologi ini perlu digunakan dengan penuh hikmah, kesopanan dan rasa

tanggungjawab kerana setiap perkongsian bukan sahaja mencerminkan keperibadian individu malah turut membentuk persepsi masyarakat terhadap negara kita.

Pesanan kepada *kitani* semua, jagalah amanah sebagai warganegara dengan sebaik-baiknya. Sayangilah Negara Brunei Darussalam sebagaimana negara ini menerima *abiskita* sebagai rakyatnya. Tunjukkanlah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hormatilah undang-undang negara, hayati dan berpegang teguhlah kepada falsafah MIB serta peliharalah perpaduan masyarakat. Gunakan media sosial dengan berhemah dan bertanggungjawab, serta teruslah berusaha untuk

menyumbang kepada pembangunan negara dan menjayakan aspirasi Wawasan Brunei 2035. *Kitani* semua memikul amanah besar untuk memastikan negara terus makmur, berdaulat dan dihormati di persada dunia.

Ingatlah, bahawa kemajuan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal atau ekonomi tetapi juga melalui akhlak, perpaduan, kesetiaan dan semangat cintakan negara yang terpahat dalam jiwa setiap rakyat. Peramba / saya yakin, dengan iltizam dan semangat tersebut, *abiskita* akan menjadi warganegara yang membanggakan keluarga serta menyumbang kepada kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran NBD.

Sebelum peramba / saya mengakhiri ucapan ini, bagi menzahirkan rasa syukur, marilah *kitani* bersama-sama menadah

tangan memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat sejahtera dan kekal karar memerintah di atas singgahsana kerajaan NBD. *Aamiin Yaa Rabbal Alamiin.*

Pada kesempatan ini juga, dengan penuh rasa kesyukuran, peramba / saya mengajak hadirin sekalian untuk bersama-sama merafakkan sembah

setinggi-tinggi ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80, yang akan kita raikan dalam beberapa hari sahaja lagi.

Kepada semua pihak yang telah menjayakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kali ini, peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih. Semoga segala usaha, komitmen dan khidmat bakti yang dicurahkan mendapat ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

JAGA AKIDAH, PATUHI AJARAN RASULULLAH



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. – Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah pagi tadi, bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha

Tetap; Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei; ketua-ketua jabatan dan bahagian; serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya, termasuk pegawai dan kakitangan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji

Mustapa.

Dalam ceramah tersebut, antara lain ditekankan bahawa kepentingan menjaga akidah bagi umat Islam merupakan perkara utama dengan sentiasa mengikuti dan mematuhi ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan merujuk kepada Surah Al-Maidah, ayat 19, beliau turut menjelaskan mengenai penurunan ayat tersebut yang antara lain berkaitan dengan golongan Yahudi yang menentang kedatangan Nabi akhir zaman yang akan menyampaikan berita dan nasihat serta membawa manusia kepada akidah yang benar.

Perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan agama



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar kiri, Ceramah Khas bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Islam, khususnya dalam memperkukuhkan akidah dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Esa, telah melalui pelbagai halangan dan rintangan. Namun, berbekalkan iman, takwa dan keyakinan yang kukuh, perjuangan Baginda akhirnya membuahkan hasil sehingga agama Islam terus berkembang dan menjadi pegangan umat Islam hingga ke hari ini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan, diikuti dengan Persembahan Dikir.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan bagi

menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping mengenang jasa dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan syiar Islam serta menyuntik rasa kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan telah diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat (BPSMHEK), Kementerian Kewangan dan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (HMSF).

NFLD 2026 tekankan kepentingan celik kewangan digital



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 2 September. – Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melancarkan Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2026 hari ini dalam usaha memperkukuh pengetahuan kewangan, menggalakkan tabiat kewangan yang positif serta meningkatkan kesejahteraan kewangan di negara ini.

Pelancarannya diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Acara yang berlangsung selama tiga hari tersebut dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, merangkap Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK) bersama Pengarah Urusan BDCB, Dayang

Hajah Rashidah binti Haji Sabtu.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dayang Hajah Rashidah menegaskan kepentingan untuk memastikan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kewangan, yang dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan kewangan.

Katanya, meskipun lebih 80 peratus penduduk negara ini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan formal, rangkuman kewangan perlu disokong oleh tahap celik kewangan yang kukuh serta tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab bagi mendukung kesejahteraan kewangan dalam jangka panjang.

Beliau turut mengetengahkan celik kewangan digital sebagai

YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2026.

bidang yang semakin penting untuk diberikan perhatian khususnya dengan penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang terus berkembang.

Menurutnya, Kaji Selidik Kebangsaan Celik Kewangan 2026 merekodkan skor Celik Kewangan Digital sebanyak 43 peratus, yang menunjukkan keperluan untuk terus memperkukuh keupayaan individu dalam menggunakan dan mengendalikan perkhidmatan kewangan digital dengan yakin dan selamat.

Keperluan ini turut diberi perhatian di peringkat serantau, dengan BDCB menyumbang kepada pembangunan Kerangka Kompetensi Celik Kewangan Digital ASEAN bagi memperkukuh keupayaan dalam bidang ini.

Majlis turut menampilkan uaputama oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Research for Impact, Singapura, Dr. Joanne Yoong bertajuk 'Daripada Pengetahuan kepada Tindakan: Pemahaman Tingkah Laku untuk Memperkukuh Kesejahteraan dan Kedayatahan Kewangan'.

Uaputama tersebut membincangkan jurang yang masih wujud antara pengetahuan kewangan dan amalan sebenar, dengan mengetengahkan bahawa

pemahaman semata-mata tidak semestinya membawa kepada keputusan kewangan yang lebih baik.

Turut disentuh ialah bagaimana kecenderungan tingkah laku, perkhidmatan kewangan digital dan penipuan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) menimbulkan cabaran baharu, sekali gus menekankan keperluan terhadap dasar, produk dan pendidikan kewangan yang lebih berkesan.

Antara yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norfaran bin Haji Zainal; Ahli-ahli MKCK, pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil daripada BDCB, agensi-agensi kerajaan berkaitan, institusi – institusi pengajian tinggi, institusi-institusi kewangan dan rakan-rakan strategik.

NFLD 2026 akan diteruskan hingga 4 September 2026 melalui pelbagai aktiviti pendidikan kewangan.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi Jerayawara Kesedaran Kewangan yang akan diadakan di kawasan lobi, The Mall, Gadong bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai pengurusan kewangan serta menerokai pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia.

Di samping itu, sesi Taklimat Kewangan akan diadakan bagi para jemputan daripada agensi-agensi kerajaan, syarikat – syarikat berkaitan kerajaan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Program berkenaan disokong

oleh MKCK dan dilaksanakan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei, Tabung Amanah Pekerja, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Cyber Security Brunei, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), National Digital Payments Network Sdn. Bhd. (ndpx), Financial Planning Association of Brunei Darussalam, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD), Baiduri Bank Sdn. Bhd., Standard Chartered Bank, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd., AIA, Great Eastern, BIBD Securities Sdn. Bhd., Baiduri Capital Sdn. Bhd. dan Standard Chartered Securities (B) Sdn. Bhd.

Usaha kolektif ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh kesedaran kewangan serta membina masyarakat yang lebih berdaya tahan dari segi kewangan.

Untuk maklumat lanjut mengenai NFLD 2026, orang ramai boleh melayari www.bdc.gov.bn atau mengikuti @centralbank.brunei dan @usinwise di Instagram.

NFLD merupakan acara celik kewangan tahunan yang diterajui oleh BDCB dengan sokongan MKCK.

Antara objektif acara ini adalah untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam, menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak dan meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini.

Bersama-sama, kita dapat membina masyarakat yang celik kewangan dan berdaya tahan dari segi kewangan.

Bersama menghayati sifat mulia, ajaran Rasulullah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Agama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mohammad Nasyith bin Superi.

JERUDONG, Jumaat, 4 September. - Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre-JPMC),

Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah (Ibadah Friendly Hospital-IFH) dengan kerjasama Gleneagles JPMC, pagi tadi mengadakan Ceramah Khas bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah.

Majlis berkenaan menghimpunkan pihak pengurusan, para jemputan, serta pegawai dan kakitangan JPMC dan Gleneagles JPMC dalam satu pertemuan bermakna bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Lembaga Eksekutif JPMC,

sebagai tetamu kehormat majlis.

Ceramah yang bertajuk 'Dari Sirah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Ke Budaya Kerja' telah disampaikan oleh Pegawai Agama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mohammad Nasyith bin Superi.

Ceramah berkenaan antara lain mengingatkan kita tentang pengajaran yang diambil daripada kehidupan dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaitannya dalam memupuk nilai-nilai murni dan amalan positif di tempat kerja.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan dikir oleh Ahli-ahli Jawatankuasa IFH.

Perhimpunan berkenaan memberi peluang kepada warga JPMC dan Gleneagles JPMC untuk bersama-sama menghayati sifat-sifat mulia dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memperkukuh lagi nilai



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat Ceramah Khas yang bertajuk 'Dari Sirah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam Ke Budaya Kerja' bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah.

kasih sayang, integriti, hormat dalam kehidupan peribadi serta menghormati dan perpaduan profesional.

PENERIMA BIASISWA 'SULTAN'S SCHOLAR' TANDATANGANI PERJANJIAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi Sesi Pengajian Tahun 2026/2027 bertempat di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi penerima anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB adalah kesinambungan daripada Majlis Penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB 2026/2027 yang telah berlangsung pada hari ini di Istana Nurul Iman.

Seramai lima penuntut yang berjaya menerima anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi Sesi Pengajian

2026/2027 hadir menandatangani perjanjian pada majlis berkenaan.

Mereka ialah Dayangku Nurul Fadhlina Natasya binti Pengiran Haji Shahril Azman, lepasan Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah Islamiyyah (BA Syariah Islamiyyah) di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir.

Sementara Dayang Ah Lee Jing, lepasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Pergigian (Bachelor of Dental Science) di Trinity College Dublin, Republik Ireland;

Manakala Awang Syed Abd. Rahman bin Syed Azmal, lepasan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Bachelor of Engineering - Electrical Engineering) di University of New



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi Sesi Pengajian Tahun 2026/2027 bertempat di Dewan An-Naura, Tingkat 2, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

South Wales, Sydney, Australia.

Sementara Dayang Syasya Amalya binti Haji Mohamad Saiful Bahrin, juga lepasan JIS pula akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (Medicine MBChB) di University of Dundee, Scotland, United Kingdom;

Manakala Dayang Farah Alyah binti Abdul Rahman, juga lepasan JIS, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Perancangan Bandar dan Hartanah (BSc Urban Planning and Real Estate) di University College London, United Kingdom.

Sementara itu, seorang penerima anugerah Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB bagi sesi pengajian 2022/2023, Awang Haji Mohammad Wajdi bin Mohammad Ja'afar, yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana, turut hadir bagi menandatangani perjanjian pada majlis berkenaan.

Beliau telah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Bachelor of Engineering in Civil Engineering) di Universiti Edinburgh, United Kingdom dan seterusnya akan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Struktur Am (Master of Science in General Structural Engineering) di Imperial

College London, United Kingdom.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Muhammad Wafiuddin bin Pengiran Haji Zulkarnain yang juga merupakan Alumni 'Sultan's Scholar' YSHHB.


Acara kemudiannya diteruskan dengan menandatangani perjanjian penerimaan biasiswa bagi kelima-lima penerima biasiswa yang ditemani bersama dua orang penjamin yang terdiri daripada ibu bapa mereka atau ahli keluarga terdekat.

Penandatanganan perjanjian bagi pihak YSHHB dilakukan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB bersama dengan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejar (B) Awang Sopian bin Haji Mohammad Yassin, dengan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan khusus bagi para penerima Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB yang akan bertolak dari Negara Brunei Darussalam bagi meneruskan pengajian masing-masing.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Skim Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB, para ibu bapa dan ahli keluarga penerima anugerah biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB; pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan yang berkenaan dan pegawai-pegawai YSHHB; Alumni 'Sultan's Scholar' YSHHB dan sebahagian pengetua - pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.

Sejajar dengan salah satu matlamat utama Wawasan Brunei 2035, iaitu bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Skim Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB adalah program pembangunan kapasiti manusia yang bertujuan bagi melahirkan generasi penerus yang akan memberi tampuk kepimpinan bagi kepentingan agama, bangsa, raja dan negara serta menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.



77 pelajar terima Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM Sesi Akademik 2026/2027



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Rabu, 2 September. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa mengadakan Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pelajar-pelajar di bawah Skim The Chancellor's Scholar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Skim Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri bagi melanjutkan pengajian di institusi-institusi luar negara serta Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri untuk mengikuti pengajian ke peringkat menengah dan prauniversiti di Jerudong International School (JIS) dan International School Brunei (ISB) bagi Sesi Akademik 2026/2027.

Majlis tersebut berlangsung di Goldstone Ballroom, The Centrepoint Hotel, Gadong, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penganugerahan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Ramey bin Haji Salleh dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim, selaku Pengerusi Majlis.

Seramai tiga orang pelajar telah berjaya menerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim The



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penganugerahan berkenaan (kiri dan atas).

Chancellor's Scholar UBD bagi mengikuti Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana serta 36 orang pelajar di bawah Skim Biasiswa ke Luar Negeri di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Manakala seramai 18 orang pelajar di peringkat menengah dan 20 orang pelajar di peringkat prauniversiti juga telah dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM di bawah Skim Biasiswa Khas Dalam Negeri ke Sekolah-sekolah Antarabangsa.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri

Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, Naib Canselor UBD, Naib Canselor UTB, Rektor UNISSA, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan, wakil pegawai - pegawai daripada beberapa agensi kerajaan serta para ibu bapa pelajar dan wakil dari sekolah-sekolah antarabangsa.

39 PENERIMA BIASISWA TANDATANGANI PERJANJIAN

GADONG, Rabu, 2 September. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tiga orang penerima The Chancellor's Scholar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan 36 orang penerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Skim Biasiswa Peringkat Ijazah Sarjana Muda ke Luar Negeri bagi Sesi Akademik 2026/2027.

Majlis berkenaan berlangsung di Goldstone Ballroom, The Centrepoint Hotel.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle bagi The Chancellor's

Scholar UBD, manakala bagi Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Sementara itu, para penerima menandatangani perjanjian tersebut ditemani dengan dua orang penjamin masing-masing.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Ramey bin Haji Salleh.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi menandatangani borang perjanjian bagi kesemua penerima anugerah biasiswa tersebut.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan menyaksikan penandatanganan perjanjian tersebut (atas). Manakala gambar bawah, antara penerima biasiswa yang menandatangani perjanjian yang diadakan di Goldstone Ballroom, The Centrepoint Hotel.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026
2. 'Waspada Banjir: Persediaan Menghadapi Musibah'. Tarikh Tutup : 16 September 2026
3. 'Amalan Gaya Hidup Lestari dalam Menghadapi Perubahan Iklim'. Tarikh Tutup : 23 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

AKHLAK RASULULLAH ASAS PEMBINAAN KELUARGA, MASYARAKAT SEJAHTERA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah/2026 Masihi (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah/2026 Masihi di Dewan Digadong, KKBS, di sini, hari ini.

Majlis tersebut diselenggarakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia (PPB), KKBS, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan.

Majlis kemudian diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Dengan Akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Kita Membina Keluarga' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah/Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, selaku penceramah undangan.

Dalam ceramah tersebut, beliau menjelaskan, akhlak Baginda merupakan asas penting dalam pembentukan individu, keluarga, organisasi dan masyarakat yang sejahtera.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Beliau seterusnya menghuraikan nilai-nilai utama seperti rahmah, amanah, kejujuran, sabar, adil, tawaduk dan sikap saling menghormati sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), penghayatan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turut dikaitkan dengan pengukuhan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) khususnya dalam membina keluarga yang harmoni, organisasi yang berintegriti serta masyarakat yang aman dan bertanggungjawab.

Ceramah berkenaan turut menekankan bahawa pembinaan negara yang kukuh bermula daripada pembentukan insan berakhlak, seterusnya melahirkan keluarga yang baik, organisasi yang amanah dan masyarakat yang saling menghormati.

Majlis diakhiri dengan Dikir Marhaban oleh pelatih-pelatih

PPB, diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD juga oleh Awang Muhammad Nabil.

Majlis disusuli dengan bacaan Selawat Taffriyyah dan Sayyidul Istighfar secara beramai-ramai.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah - pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS.

Majlis ini merupakan antara program tahunan keagamaan anjuran KKBS yang bertujuan untuk memeriahkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi mengingati jasa dan pengorbanan Baginda dalam menyebarkan syiar Islam, selain menyemai rasa kasih dan cinta terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Penolong Pensyarah/Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Hayati sunnah Rasulullah dalam kehidupan seharian

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Bagi memberi peluang kepada para Muslimah untuk lebih memahami keperibadian Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menjadikan Baginda sebagai contoh teladan dalam kehidupan, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, mengadakan Program Ceramah Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul.

Ceramah Khas berkenaan disampaikan oleh penceramah jemputan dari Malaysia, Asma

binti Harun dan berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Dalam ceramah tersebut, Asma antara lain menekankan kepentingan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya membaca Ayatul Kursi, mengambil wuduk sebelum tidur serta membaca tiga Qul iaitu Surah Al-Ikhlash, Al-Falaq dan An-Nas.

Amalan tersebut bukan sahaja menjadi ikhtiar memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, malah dapat membantu seseorang tidur dalam keadaan tenang dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, beliau turut menjelaskan kepentingan mengamalkan Zikir Fatimah yang terdiri daripada bacaan Subhanallah sebanyak 33 kali, Alhamdulillah 33 kali dan Allahu Akhbar 34 kali.

Ceramah turut menyentuh kelebihan Surah Al-Ikhlash serta amalan membaca tiga Qul pada waktu pagi dan malam sebagai usaha memperkukuh akidah dan meningkatkan penghayatan terhadap sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Program ini dihasratkan



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ceramah Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul (atas). Sementara gambar bawah, antara yang turut hadir bagi mendengarkan ceramah yang antara lain menekankan kepentingan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya membaca Ayatul Kursi, mengambil wuduk sebelum tidur serta membaca tiga Qul iaitu Surah Al-Ikhlash, Al-Falaq dan An-Nas.

dapat menyemai serta menyuburkan rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan para Muslimah.

Dengan adanya program seumpama ini, diharapkan para Muslimah akan dapat memperoleh manfaat serta menambah ilmu pengetahuan mengenai keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seterusnya, para Muslimah diharap dapat berusaha untuk mengikuti jejak langkah dan mengamalkan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.



CERAMAH Khas berkenaan disampaikan oleh penceramah jemputan dari Malaysia, Asma binti Harun.



Tujuh dekad pendidikan ugama formal : Evolusi, transformasi dan legasi

sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu ialah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat besar nilainya bagi kita. Ilmu bukan sekadar menambah pengetahuan, bahkan menjadi asas penting yang mengangkat darjat, membina maruah diri dan menjadi panduan hidup kita di dunia sehingga ke akhirat. Apabila kita berbicara tentang ilmu dan pendidikan, pendidikan ugama mempunyai peranan yang amat penting. Pendidikan ugama bukan sekadar menyampaikan pengetahuan tentang ugama. Pendidikan ugama membimbing manusia supaya ilmu yang dipelajari diterjemahkan dalam kehidupan melalui penghayatan iman, pelaksanaan ibadah dan kemuliaan akhlak.

Alhamdulillah, pada tahun ini, genaplah 70 tahun pendidikan ugama formal di Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Tujuh Dekad Pendidikan Ugama Formal : Evolusi, Transformasi dan Legasi'. 'Evolusi' menggambarkan perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan ugama formal selaras dengan keperluan semasa. Dari sistem yang sederhana pada peringkat awal, pendidikan ugama telah berkembang kepada struktur yang lebih tersusun dan menyeluruh.

Manakala 'transformasi' pula menekankan usaha berterusan untuk memperbaharui dan memperkukuh pendidikan ugama agar kekal relevan dalam era globalisasi dan teknologi tanpa mengorbankan asas akidah, syariat dan akhlak. Sementara itu, 'legasi' merujuk kepada warisan dan asas kukuh yang telah dibina sejak penubuhan pendidikan ugama formal. Ia meliputi usaha gigih para ulama,

pendidik dan pemimpin dalam membentuk sistem pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Marilah kita berdoa semoga segala usaha dalam memartabatkan pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta terus melahirkan generasi yang berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan mampu memberikan manfaat kepada ugama, bangsa dan negara. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan kalam (pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya". (Surah Al-Alaq, ayat 1-5)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di

Memupuk kesedaran peranan Harta Intelek dalam industri sukan

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian hadir pada perasmian seminar bersempena Hari Harta Intelek Sedunia 2026, dengan tema 'IP and Sports : Ready, Set, Innovate' (atas kanan). Manakala gambar atas kiri, antara yang menyertai seminar berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Pejabat Peguam Negara (AGC), melalui Pejabat Harta Intelek (BRUIPO) telah mengadakan seminar bersempena Hari Harta Intelek Sedunia 2026, dengan tema 'IP and Sports : Ready, Set, Innovate', bertempat di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara pada 20 Ogos 2026.

Seminar berkenaan telah dirasmikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian. Seminar tersebut dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi kerajaan, persatuan sukan kebangsaan, atlet, kelab sukan, institusi pendidikan, para usahawan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pemilik jenama, pencipta kandungan dan orang ramai.

Acara berkenaan juga telah menghimpunkan peserta daripada pelbagai sektor bagi meneroka kepentingan dan perkembangan hubungan antara harta intelek (Intellectual Property-IP) dengan industri sukan.

Yang Berhormat Peguam Negara dalam ucapan menekankan bagaimana hak IP mendukung perkembangan inovasi, kreativiti, dan komersial menerusi ekosistem sukan. Para peserta digalakkan untuk melihat lebih jauh daripada pandangan tradisional dan menimbang bagaimana IP menyumbang kepada pembangunan dan perlindungan jenama sukan, logo, barang niaga, kandungan penyiaran, pengaturan tajaan, hak imej atlet, kandungan digital dan teknologi sukan yang sedang berkembang.

Bagi memperingati Hari IP Sedunia, Yang Berhormat turut melancarkan Pertandingan Video yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan dan mencungkil kreativiti orang ramai di samping meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan IP.

Pegawai - pegawai daripada Pejabat Harta Intelek mengemukakan aspek utama tentang peranan IP dalam sukan, termasuk perlindungan jenama sukan dan kandungan kreatif, inovasi dan teknologi dalam sukan, peluang komersil melalui tajaan, penyiaran dan pelesenan serta penjenamaan atlet dan

pengkomersialan pencapaian sukan.

Selain itu, wakil daripada International Olympic Committee (IOC), mendedahkan peserta tentang prospektif antarabangsa berkenaan dengan sukan dan IP pada peringkat global. Bertepatan dengan tema 'IP and Sports : Ready, Set, innovate', para peserta mengambil bahagian dalam 'Sports and IP Interactive Pulse Check' menerusi kuiz dan perbincangan yang dirangka bagi menggalakkan penglibatan dan meningkatkan kesedaran tentang hubungan antara sukan, inovasi dan harta intelek.

Objektif seminar adalah untuk memupuk kesedaran tentang peranan IP yang semakin penting dalam industri sukan, di samping menekankan kepentingan melindungi dan mengurus aset IP secara terancang bagi mendukung peluang inovasi, kreativiti dan komersil dalam sektor tersebut.

Hari IP Sedunia disambut pada 26 April setiap tahun bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan peranan IP bagi meningkatkan inovasi dan kreativiti, dan mengetengahkan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi, budaya dan sosial.

Pembacaan doa dikurniakan hujan dilaksanakan di masjid, surau seluruh negara

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa sebagai usaha dan ikhtiar bagi menghadapi situasi cuaca berjerebu pada masa ini, maka pembacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu akan dilaksanakan di masjid-masjid dan surau-surau serta balai ibadat seluruh negara.

Sehubungan itu, pembacaan Doa Memohon Dikurniakan Hujan Sebab Dilanda Jerebu akan dilaksanakan selepas Sembahyang Sunat Hajat pada waktu Maghrib di masjid-masjid dan surau surau serta balai ibadat seluruh negara bermula pada Selasa, 20 Rabiulawal 1448 Hijrah bersamaan 1 September 2026 Masihi dan selepas Sembahyang Sunat Hajat pada Jumaat di masjid-masjid dan surau-surau serta balai ibadat seluruh negara bermula pada Jumaat, 22 Rabiulawal 1448H bersamaan 4 September 2026M sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Umat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) turut diseru untuk sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Doa bagi kesejahteraan dan keselamatan dalam menghadapi keadaan cuaca pada masa ini sama ada secara berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau serta balai ibadat seluruh negara atau di rumah kediaman masing-masing.

Semoga dengan keberkatan bacaan doa ini, Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat, keberkatan, keselamatan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk NBD.

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 22 RABIULAWAL 1448 / 04 SEPTEMBER 2026
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



جباڤن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TUJUH DEKAD PENDIDIKAN UGAMA FORMAL: EVOLUSI, TRANSFORMASI DAN LEGASI



EVOLUSI

Perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan agama formal selaras dengan keperluan semasa. Dari sistem yang sederhana pada peringkat awal, pendidikan agama telah berkembang kepada struktur yang lebih tersusun dan menyeluruh.



TRANSFORMASI

Usaha berterusan untuk memperbaharui dan memperkukuh dan memperkasa pendidikan agama agar kekal relevan dalam era globalisasi dan teknologi tanpa mengorbankan asas akidah, syariah dan akhlak.



LEGASI

Warisan dan asas kukuh yang telah dibina sejak penubuhan pendidikan agama formal. Ia meliputi usaha gigih para ulama, pendidik dan pemimpin dalam membentuk sistem pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

MESYUARAT BINCANG PERKEMBANGAN, HALA TUJU KERJASAMA SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut (atas), manakala gambar kanan, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kluster Sosio-Budaya dan Pendidikan BIMP-EAGA Kali Ke-11 (11th BIMP-EAGA Socio-Cultural and Education Cluster Meeting).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kluster Sosio-Budaya dan Pendidikan BIMP-EAGA Kali Ke-11 (11th BIMP-EAGA Socio-Cultural and Education Cluster Meeting) yang berlangsung selama dua hari, mulai 1 hingga 2 September 2026 di Radisson Hotel, di Bandar Seri Begawan.

Mesyuarat tahunan yang diadakan secara hibrid menghimpunkan delegasi daripada Negara-negara Anggota NBD - Indonesia - Malaysia - Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dan turut disertai oleh wakil BIMP - EAGA Facilitation Centre (BIMP - EAGA FC) dan Pengerusi BIMP - EAGA Business Council.

Mesyuarat berkenaan menjadi

wadah bagi membincangkan perkembangan dan hala tuju kerjasama serantau khususnya dalam bidang sosiobudaya, pendidikan, belia dan sukan serta pembangunan sumber manusia.

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada NBD selaku tuan rumah yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Siti Hadinawati binti Haji Abdul Majid selaku Ketua Kluster Sosio-Budaya dan Pendidikan BIMP-EAGA (Socio-Cultural and Education Cluster) bagi NBD dan seterusnya diserikan dengan tayangan video Tahun Melawat Brunei 2027.

Pada hari pertama, para delegasi mengikuti sesi pleno dan mesyuarat kumpulan kerja yang memberikan tumpuan kepada



kemajuan pelaksanaan serta penyertaan negara-negara anggota dalam pelbagai aktiviti, projek dan inisiatif di bawah Kluster Sosio-Budaya dan Pendidikan BIMP-EAGA.

Antara perkara yang dibincangkan ialah projek dan inisiatif di bawah Kumpulan Kerja Pembangunan Sosio - Budaya (Socio-Cultural Development Working Group - SCD WG), Kumpulan Kerja Pembangunan Sumber Manusia (Human Resource Development Working Group - HRD WG) dan Kumpulan Kerja Pembangunan Belia dan Sukan (Youth and Sports Development Working Group - YSD WG).

Mesyuarat turut membincangkan inisiatif bersama

rakan pembangunan BIMP - EAGA serta pembentangan mengenai BIMP - EAGA Vision 2035 oleh Asian Development Bank.

Mesyuarat diteruskan lagi pada hari kedua dengan pembentangan laporan daripada ketiga-tiga kumpulan kerja serta penerimaan laporan Mesyuarat Ke-11 Kluster Sosio-Budaya dan Pendidikan BIMP - EAGA. Para delegasi turut dijadualkan menyertai lawatan kebudayaan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja, Pusat Sejarah Brunei dan IBTE School of Aviation.

Majlis Makan Malam Rasmi juga telah diadakan di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan dan diserikan dengan Persembahan Kebudayaan yang

mengetengahkan keunikan serta warisan budaya NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman. Majlis Makan Malam Rasmi dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh tetamu kehormat majlis.

Penganjuran mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan NBD terhadap kerjasama serantau. Penglibatan negara menyumbang kepada perkongsian amalan terbaik, pengukuhan persefahaman dalam kalangan masyarakat serantau, serta pembangunan modal insan yang berdaya saing dan berfikir global selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

UBD Career Fair tingkatkan kebolehpasaran graduan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TUNGKU LINK, Rabu, 2 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini melancarkan UBD Career Fair 2026 yang Ke-11 berlangsung selama dua hari, mulai hari ini hingga 3 September 2026, bertempat di Dewan Canselor, UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Siti Norashikin binti Mohd. Salleh.

UBD Career Fair 2026 yang membawa tema 'CareerProof' dan slogan 'Find Where You Want to Be' menekankan kepentingan kebolehsuaian, ketangkasan, sifat ingin tahu dan daya tahan dalam

menghadapi dunia pekerjaan yang sentiasa berubah.

Acara berkenaan menghimpunkan para majikan, rakan kongsi industri, pelajar, graduan, alumni serta orang awam, sekali gus menyediakan platform bagi para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan pihak industri, mendapatkan gambaran mengenai keperluan dan jangkaan di tempat kerja serta meneroka peluang kerjaya yang baharu.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah (UniCareer), Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Dr. Shariza Wahyuna binti Haji Shahrin menekankan kepentingan tema yang diketengahkan pada tahun

ini.

"Menjadi *career-proof* bukanlah tentang meramalkan masa depan; sebaliknya, ia adalah tentang bersedia untuk menghadapinya," jelasnya.

Tema berkenaan mencerminkan komitmen UBD dalam menyokong pembentukan tenaga kerja yang berkemahiran, mudah menyesuaikan diri dan bersedia menghadapi cabaran masa depan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Acara selama dua hari itu turut menghimpunkan hampir 50 majikan dan organisasi daripada pelbagai sektor, memberikan peluang kepada para pelajar, graduan dan peserta lain untuk berinteraksi dengan pihak industri serta memperoleh pandangan praktikal mengenai keperluan di tempat kerja.

Antara pengisian utama ialah UBD Career Dialogue 2026 yang merangkumi tiga sesi perbincangan mengenai kebolehpasaran graduan, kemahiran persediaan kerjaya bagi tenaga kerja Negara Brunei Darussalam dalam persekitaran pekerjaan yang dipacu oleh Kecerdasan Buatan (AI), serta penerokaan kerjaya di luar pekerjaan tradisional.

Dialog berkenaan menghimpunkan para pembuat dasar, pakar industri dan pihak berkepentingan utama bagi bertukar pandangan mengenai kesediaan tenaga kerja, kemahiran



SETIAUSAHA Tetap (Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara berkenaan (atas dan kiri).

yang sedang berkembang serta keperluan pekerjaan yang sentiasa berubah.

Program berkenaan turut menampilkan Pameran Kerjaya dan Career Talks, termasuk sesi tertutup yang disampaikan oleh World Bank Group, yang memberikan peluang kepada para peserta untuk memperluas pemahaman mengenai trend pekerjaan semasa serta mendapatkan pandangan praktikal berkaitan pembangunan kerjaya dan kemahiran.

Melalui penganjuran UBD Career Fair 2026, UBD terus memperkukuh peranannya dalam menghubungkan institusi pendidikan tinggi dengan pihak industri, di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan dan

kesiapsiagaan tenaga kerja.

Penganjuran berkenaan turut menyediakan peluang kepada para pelajar dan graduan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, jaringan perhubungan dan keyakinan dalam menghadapi dunia pekerjaan yang sentiasa berubah.

Di samping itu, acara berkenaan turut memperkukuh hubungan dan kerjasama yang bermakna antara UBD dengan pihak industri serta ekosistem pekerjaan secara lebih meluas.

UBD Career Fair 2026 diadakan pada 2 dan 3 September 2026, dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Dewan Canselor, UBD. Acara berkenaan dibukakan kepada para pelajar, graduan, alumni dan juga orang awam.

APEC CCHE'26 FOKUS MEMAJUKAN INOVASI, KEBOLEHPASARAN GRADUAN

BERAKAS, Rabu, 2 September. - Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad telah menghadiri persidangan kali ke-15 mengenai Kerjasama Dalam Pengajian Tinggi di Rantau Asia-Pasifik (APEC CCHE'26), yang diadakan secara hibrid, di Vladivostok, Persekutuan Rusia.

Diadakan bersempena dengan Forum Ekonomi Timur XI ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Sains dan Pengajian Tinggi Persekutuan Rusia dan Far Eastern Federal University dengan tema 'Sinergi Inovasi dalam Pengajian Tinggi APEC'.

Persidangan tersebut berbandukan prinsip-prinsip Pelan Tindakan Strategi Pendidikan APEC 2016 -2030, dengan penekanan terhadap usaha mempertingkatkan inovasi serta memperkukuh keupayaan sistem pengajian tinggi untuk menyumbang kepada pembangunan serantau yang mampan.

Persidangan tersebut menghimpunkan wakil-wakil peringkat tinggi daripada ekonomi-ekonomi APEC, termasuk menteri-menteri

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan menghadiri persidangan kali ke-15 mengenai Kerjasama Dalam Pengajian Tinggi di Rantau Asia-Pasifik (APEC CCHE'26), yang diadakan secara hibrid.

pendidikan dan sains, pemimpin universiti, pegawai-pegawai kerajaan serta wakil industri, bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang pengajian tinggi.

Perbincangan memberi tumpuan kepada usaha menangani perubahan keperluan pasaran tenaga kerja dan

perkembangan pesat teknologi baharu, di samping memajukan inovasi, kebolehpasaran graduan serta kompetensi yang selaras dengan keperluan industri.

Turut menghadiri persidangan secara dalam talian ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Ceramah motivasi suntik semangat murid hadapi Peperiksaan SSSRU

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Sekolah Ugama Kasat**

KASAT, Khamis, 3 September. – Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bukan sekadar medan menguji pencapaian akademik, malah menjadi titik tolak penting dalam membentuk ketahanan mental, rohani serta disiplin diri dalam kalangan murid Darjah 6.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Kasat, Kawasan Brunei IV mengadakan Ceramah Motivasi Menyuntik Semangat khusus bagi murid Darjah 6 yang bakal menduduki Peperiksaan SSSRU 1448 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Bilik Serbaguna sekolah berkenaan.

Ceramah disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali yang antara lain menekankan bahawa kecemerlangan pelajar merupakan satu perkara penting yang memerlukan perhatian dan sokongan berterusan, khususnya daripada ibu bapa yang menjadi antara kunci utama dalam membantu anak-anak mencapai kejayaan.

Menurutnya lagi, konsep kecemerlangan tidak seharusnya dilihat dari sudut pencapaian duniawi semata-mata, sebaliknya perlu berlandaskan pandangan Islam agar kejayaan yang diraih turut membawa kepada kebahagiaan dan kecemerlangan di akhirat.

Beliau turut mengingatkan bahawa Islam amat sinonim dengan konsep kejayaan, sebagaimana seruan azan yang dilaungkan lima kali sehari, 'Hayya 'alal-falah', yang bermaksud marilah menuju kejayaan.

Seruan berkenaan jelasnya, hendaklah disahut dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping diterjemahkan melalui usaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.

Dalam pada itu, Awang Fariszal menyarakkan kepada ibu bapa agar sentiasa menyemai semangat untuk berjaya dalam diri anak-anak serta memberikan dorongan dan sokongan sepanjang mereka menghadapi cabaran pembelajaran, khususnya menjelang Peperiksaan SSSRU.

Murid-murid pula tambahannya lagi, dinasihatkan supaya bukan sahaja memberikan tumpuan kepada pelajaran, bahkan turut memperbaiki ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mentaati ibu bapa dan guru, serta menghormati rakan-rakan.

Menurutnya lagi, akhlak yang mulia merupakan asas penting dalam memperoleh ilmu yang berkat, seterusnya memudahkan ilmu untuk difahami, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga membawa kepada keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Program berkenaan turut memberi penekanan terhadap strategi ulang kaji yang berkesan, pengurusan masa, adab menuntut ilmu serta kepentingan doa, solat dan tawakal dalam menghadapi peperiksaan.

Penganjuran program berkenaan dihasratkan dapat menyuntik semangat juang dan meningkatkan keyakinan diri murid supaya lebih tenang, berdisiplin serta mempunyai perancangan ulang kaji yang teratur sebelum menduduki Peperiksaan SSSRU 1448H/2026M.

Pada masa yang sama, penglibatan ibu bapa dan penjaga turut ditekankan sebagai 'tulang belakang' kepada kejayaan anak-anak, di samping mengeratkan silaturahim antara murid, guru dan ibu bapa dalam usaha membentuk generasi yang cemerlang dalam akademik dan sahsiah.

Dengan adanya program berkenaan, pihak sekolah berharap murid-murid akan lebih bersedia dari segi mental, rohani dan akademik, seterusnya mampu menghadapi peperiksaan dengan penuh keyakinan serta menjadikan usaha menuntut ilmu sebagai satu ibadah.

Semoga segala usaha, doa dan tawakal membuahkan kejayaan, bukan sahaja di dunia, malah berterusan hingga ke akhirat.



CERAMAH disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.



Malam Mencintai Rasul semai rasa cinta kepada Rasulullah



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad**

TUTONG, Khamis, 3 September. - Bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menzahirkan rasa cinta, kasih dan penghargaan terhadap perjuangan Baginda di samping mendedahkan ajaran agama Islam, Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Majlis Malam Mencintai Rasul sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi malam tadi.

Majlis berkenaan diadakan bersama para mualaf dan masyarakat bukan Islam, bertempat di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Isham bin Awang Ismail; Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir;

Pengarah Sekolah Chung Hwa Daerah Tutong, Awang Soon Seng Lee; dan Yang Dipertua Pakatan Sang Jati Dusun Daerah Tutong, Awang Johan bin Benson.

Juga hadir, Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong, para pegawai dan kakitangan PDI dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong, para peserta Skim Bimbingan Lanjutan II Siri Ke-43 (Lelaki) dan Siri Ke-44 (Perempuan), serta para mualaf dan masyarakat bukan Islam dari Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan tazkirah yang bertajuk 'Tak Kenal Maka Tak Cinta', yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Awang Muhammad Salihan bin Haji Samra.

Dalam tazkirah berkenaan, beliau antara lain menjelaskan bahawa seseorang tidak akan mampu mencintai insan yang tidak dikenalnya, sebagaimana pepatah 'tak kenal maka tak cinta'.

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar bawah kanan, sekitar Majlis Malam Mencintai Rasul sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya lagi, salah satu cara untuk mengenali junjungan kita adalah dengan membaca sirah Baginda yang terkandung di dalam riwayat-riwayat hadis. Semakin kita mengenali Rasulullah melalui sirah dan hadis, semakin hati kita akan mencintai Baginda. Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk meluangkan masa membaca atau mendengar kisah kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Maulid Dhiyaul Lami' yang dipimpin oleh Kumpulan Babussalam. Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Pelihaaran Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan kemudiannya diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Penganjuran majlis berkenaan antara lain bertujuan untuk memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menzahirkan rasa cinta, kasih dan penghargaan terhadap perjuangan Baginda, di samping memperkenalkan ajaran agama Islam kepada para mualaf dan masyarakat bukan Islam.

Selain itu, majlis berkenaan turut dihasratkan untuk mengukuhkan hubungan harmoni antara masyarakat Muslim dan bukan Islam, serta menyemai rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dalam kalangan para mualaf agar dapat menghayati dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian.

USAHA MEMPERKUKUH PENDIDIKAN SEIRING PERKEMBANGAN INDUSTRI

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



NAIB Canselor UTB semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

TUNGKU LINK, Khamis, 3 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB), dengan kerjasama McDonald's Brunei serta sokongan Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia (Manpower Industry Steering Committee-MISC) bagi Industri Makanan, petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan kejayaan pelaksanaan projek kolaboratif 'Developing a Culture of Food Safety in the Next Generation'.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Tingkat 1, Sekolah Sains Gunaan dan Matematik (School of Applied Sciences and Mathematics-SASM), UTB berkenaan disempurnakan oleh Naib Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis berkenaan mengiktiraf para pelajar daripada sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyertai

Program Kesedaran Keselamatan Makanan dan juga beberapa peserta lain yang telah berjaya menamatkan dua kursus peningkatan kapasiti di bawah Program Pembungkusan Makanan dan Keselamatan Makanan (Food Packaging and Food Safety Programme).

Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar dalam ucapannya menjelaskan program-program berkenaan dianjurkan bersempena dengan Hari Keselamatan Makanan Sedunia, yang mengingatkan semua pihak bahawa keselamatan makanan merupakan tanggungjawab bersama.

Menurutnya lagi, daripada cara makanan disediakan dan dibungkus hinggalah kepada cara makanan dikendalikan dan dihidangkan, setiap individu mempunyai peranan dalam memastikan makanan yang dimakan adalah selamat.

Beliau turut menekankan bahawa kursus dalam bidang pembungkusan makanan dan keselamatan makanan memberikan pengetahuan serta kemahiran praktikal yang berguna, sama ada peserta menceburi industri makanan, memilih kerjaya berkaitan bidang makanan mahupun memulakan perniagaan sendiri.

Seiring UTB melangkah ke fasa seterusnya, beliau berkata, input yang telah diajarkan, keperluan industri dan usaha memberikan impak kepada masyarakat perlu terus diperkukuh. Begitu juga, hasil penyelidikan dan kepakaran universiti tidak seharusnya hanya berada dalam lingkungan akademik, sebaliknya perlu dimanfaatkan untuk membantu industri, menyelesaikan permasalahan sebenar serta membawa manfaat kepada masyarakat.

Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar seterusnya menegaskan bahawa kerjasama antara UTB melalui SASM dengan McDonald's Brunei adalah penting dalam menggabungkan kekuatan akademik dan industri.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tayangan video yang memaparkan aktiviti, pencapaian serta hasil utama projek kolaboratif berkenaan, diikuti dengan penyampaian sijil kepada wakil-wakil sekolah dan peserta Program Peningkatan Kapasiti sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan serta kejayaan mereka menamatkan program.

Projek 'Developing a Culture of Food Safety in the Next Generation' dijalankan bersempena dengan sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia melalui kerjasama antara SASM, UTB dan McDonald's Brunei, dengan sokongan MISC bagi Industri Makanan.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan

dan kesedaran peserta mengenai keselamatan makanan, di samping memupuk budaya keselamatan makanan yang kukuh dalam kalangan generasi profesional masa hadapan.

Menerusi Program Kesedaran Keselamatan Makanan, para pelajar diperkenalkan kepada aspek keselamatan makanan melalui pembelajaran amali serta pendedahan kepada amalan keselamatan makanan dalam situasi sebenar.

Mereka turut didedahkan kepada amalan terbaik yang diterapkan oleh McDonald's Brunei, termasuk pengendalian makanan yang betul, kebersihan, sanitasi, pencegahan pencemaran silang serta kepentingan mengekalkan piawaian keselamatan makanan yang tinggi sepanjang proses penyediaan dan penyajian makanan.

Dengan sokongan MISC bagi Industri makanan, program berkenaan turut diperluas menerusi Program Peningkatan Kapasiti, yang menyediakan latihan praktikal kepada golongan belia dalam bidang keselamatan makanan dan pembungkusan makanan.

Latihan berkenaan merangkumi bengkel interaktif, kajian kes serta aktiviti amali bagi membolehkan peserta memahami dengan lebih baik amalan kebersihan dan keselamatan makanan, pemeriksaan keselamatan makanan serta kaedah mengenal pasti aspek yang boleh diperbaiki dalam operasi makanan.

Peserta turut diperkenalkan kepada kaedah pengauditan dalaman keselamatan makanan bagi membolehkan mereka mengaplikasikan konsep asas audit untuk mengenal pasti jurang, menilai amalan sedia ada serta mengenal pasti ruang penambahbaikan secara berterusan dalam pengurusan keselamatan makanan.

Kejayaan pelaksanaan program berkenaan mencerminkan kepentingan kerjasama antara pihak akademik dan industri dalam menangani keperluan industri serta memperkukuh kompetensi profesional. Melalui inisiatif seumpama berkenaan, UTB terus menyediakan peluang perkongsian ilmu dan pembelajaran secara praktikal, di samping menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran serta kemajuan sektor makanan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kerjasama berkenaan juga menyokong keutamaan negara dalam aspek keterjaminan makanan dan keselamatan makanan, selain memperkukuh kepentingan pendidikan yang relevan dengan keperluan industri serta pembangunan profesional sepanjang hayat.

UTB kekal komited dalam memperkukuh kerjasama strategik bersama pihak industri dan pihak berkepentingan bagi menggalakkan pembangunan modal insan, meningkatkan kompetensi profesional serta memberikan sumbangan bermakna kepada pertumbuhan dan perkembangan berterusan sektor makanan NBD.



NAIB Canselor UTB ketika berucap pada majlis tersebut.



MOU berkenaan mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi untuk menyediakan peluang pembelajaran berkualiti tinggi yang dapat menyokong pertumbuhan industri, di samping melengkapkan golongan profesional dengan pengetahuan teknikal terkini dan amalan terbaik.

■ Siaran Akhbar dan Foto : PUJA (B) Academy Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - PUJA (B) Academy Sdn. Bhd. (PUJA) dan ATH-Chevron secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), menandakan permulaan kerjasama strategik untuk mengukuhkan pembangunan profesional dan pembinaan kapasiti teknikal dalam industri pembinaan dan kejuruteraan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Mou tersebut ditandatangani

oleh Pengarah Urusan PUJA, Ir. Hajah Fatimah binti Haji Md. Alidan Pengarah Urusan ATH-Chevron, Daryl Chai dan disaksikan oleh Pengerusi Majlis Akademi PUJA, Dato Seri Paduka Ar. Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan Pengarah ATH-Chevron, Bernard Chai.

Dato Seri Paduka Ar. Haji Marzuke, menekankan bahawa ahli PUJA dapat memanfaatkan sepenuhnya kerjasama tersebut dengan memperoleh mata CPD, meluaskan pengetahuan profesional mereka, dan mengikuti

MoU perkukuh profesionalisme industri pembinaan, kejuruteraan

perkembangan teknologi dan produk baru muncul melalui program yang akan dibangunkan bersama di bawah perkongsian itu.

Sementara itu, Daryl Chai berkata, ATH-Chevron komited untuk menyokong industri melalui perkongsian pengetahuan dan pengenalan penyelesaian praktikal yang berkaitan dengan industri.

Kerjasama selama tiga tahun itu mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi untuk menyediakan peluang pembelajaran berkualiti tinggi yang dapat menyokong pertumbuhan industri, di samping melengkapkan golongan profesional dengan pengetahuan teknikal terkini dan amalan terbaik.

Di bawah MoU tersebut, PUJA dan ATH-Chevron akan bersama-sama menganjurkan seminar teknikal, bengkel dan webinar mengenai topik yang berkaitan dengan industri pembinaan dan sektor lain yang berkaitan.

Program-program ini akan

dibangunkan untuk menangani keperluan industri semasa, keperluan kawal selia dan teknologi baru muncul sambil menyokong pembangunan profesional pengamal industri yang berterusan.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama tersebut, PUJA akan menyelia perancangan, promosi dan pentadbiran program, termasuk penglibatan peserta, penyelarasan tempat dan pengeluaran sijil CPD. ATH-Chevron akan menyumbang kepakaran teknikalnya dengan menyediakan penceramah yang berkelayakan, membangunkan kandungan seminar dan menyampaikan satu siri pembentangan yang membawa pengetahuan industri praktikal kepada peserta.

Kedua-dua organisasi melahirkan keyakinan bahawa perkongsian tersebut akan mewujudkan peluang yang lebih besar untuk perkongsian pengetahuan dan mengukuhkan kecekapan teknikal dalam kalangan profesional di NBD.

MoU itu juga mengukuhkan hubungan lama antara PUJA dan ATH-Chevron, yang telah berjaya bekerjasama dalam beberapa seminar teknikal dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Melalui perkongsian rasmi ini, kedua-dua pihak menyasarkan untuk mengembangkan rangkaian program pembangunan profesional yang tersedia untuk jurutera, arkitek, juruukur bahan dan pengamal industri lain.

Perjanjian tersebut akan kekal berkuat kuasa selama tiga tahun dari tarikh ditandatangani, dengan pilihan bagi kedua-dua pihak untuk melanjutkan kerjasama melalui persetujuan bersama.

Kerjasama tersebut merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha berterusan PUJA untuk membangunkan komuniti profesional yang berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi keperluan masa hadapan melalui kerjasama erat dengan rakan-rakan industri dalam menyediakan peluang pembelajaran yang relevan, praktikal dan memberi impak.

UNN, VOBILE PERKUKUH KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AI



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menyaksikan Majlis Penandatanganan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) dan Vobile, Inc. telah memeterai perjanjian komersial bernilai jutaan dolar, yang menyaksikan Vobile, Inc. menjadi pelanggan UNN dan akan menggunakan kapasiti sehingga 25 megawatt (MW) di

AI capable Data Centre yang dirancang oleh UNN.

Perjanjian bersejarah berkenaan ditandatangani oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif UNN, Christopher Phan; dan Ketua Pegawai Eksekutif Vobile, Inc., Yangbin Wang, pada Majlis Penandatanganan yang berlangsung di UNN's Tungku Submarine Cable Landing Station pada 3 September 2026.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UNN.

AI-capable Data Centre yang dirancang oleh UNN berkenaan dijangka mula beroperasi pada 2028 dan akan disokong oleh sistem GPU NVIDIA.

Kemudahan berkenaan akan membantu Vobile, Inc.

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.

memperluaskan keupayaan platform DreamMaker Services dalam menyediakan perkhidmatan penciptaan kandungan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) serta perlindungan hak cipta yang digunakan oleh studio filem dan televisyen, penerbit bebas serta pencipta kandungan.

Perjanjian berkenaan mencerminkan keyakinan awal pelanggan terhadap keupayaan UNN dalam menyokong

pembangunan infrastruktur bagi beban kerja AI dan teknologi digital lainnya.

Selain itu, ia juga memperlihatkan kesediaan NBD yang semakin berkembang dalam mewujudkan peluang bagi syarikat teknologi antarabangsa yang mempunyai keperluan beban kerja AI berkapasiti tinggi, sekali gus menyokong usaha mempelbagaikan ekonomi serta memperkukuh daya saing negara di peringkat serantau.

Tingkatkan langkah berjaga-jaga susulan keadaan berjeribu

Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah mengeluarkan Notis Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Workplace Safety and Health Notice - WSHN) bertajuk 'Workplace Safety and Health Precautions During Hazy Conditions' bagi mengingatkan semua tempat kerja supaya mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dan mengurus risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang timbul akibat keadaan berjeribu ketika ini.

Merujuk kepada siaran akhbar bertarikh 30 Ogos 2026 yang dikeluarkan secara bersama oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Kesihatan (MOH) dan Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD), Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang mengalami keadaan berjeribu.

Memandangkan keadaan berkenaan boleh berubah, tempat kerja hendaklah terus memantau bacaan rasmi Indeks Pencemaran Udara (Pollutant Standards Index-PSI), maklumat kaji cuaca dan nasihat kesihatan, serta mengkaji semula dan mengemas kini penilaian risiko dan langkah berjaga-jaga yang berkaitan sewajarnya dan, jika perlu, disesuaikan dengan keadaan semasa.

Keadaan berjeribu boleh mendedahkan orang di tempat kerja kepada PM10, PM2.5 dan bahan pencemar udara lain yang boleh menjejaskan kesihatan, memburukkan masalah pernafasan atau kardiovaskular yang sedia ada, meningkatkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan kerja luar yang berpanjangan atau berat, mengurangkan penglihatan serta menjejaskan kualiti udara dalaman di tempat kerja.

Prinsipal, majikan, dan orang yang berkerja sendiri adalah diingatkan dengan tegas mengenai kewajiban mereka di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja, Penggal 277 dan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja (Pengurusan Risiko) untuk memastikan keselamatan dan kesihatan orang di tempat kerja, termasuk dengan menilai risiko yang boleh dijangka dan melaksanakan langkah kawalan risiko yang sesuai dan berkesan.

Apabila bacaan PSI meningkat, kualiti udara merosot atau nasihat rasmi menunjukkan peningkatan risiko, tempat kerja hendaklah melaksanakan langkah berjaga-jaga yang lebih ketat secara berperingkat. Antara langkah berkenaan termasuk adalah seperti, iaitu menyesuaikan, mengurangkan dan menjadualkan semula kerja luar yang berpanjangan atau berat, setakat yang munasabah dan praktikal dapat dilaksanakan; menangguhkan atau menghentikan sementara tugas yang kritikal dari segi keselamatan apabila jarak penglihatan berkurangan dengan ketara atau apabila keadaan semasa boleh menyebabkan aktiviti tersebut tidak selamat untuk diteruskan.

Selain itu, memberikan pertimbangan tambahan kepada individu yang mungkin lebih mudah terjejas oleh kesan jeribu serta menyediakan saluran yang jelas bagi melaporkan sebarang simptom atau kebimbangan berkaitan kesihatan; mengekalkan kualiti udara dalaman yang sesuai melalui pengendalian dan penyelenggaraan sistem pengudaraan dan penyaman udara yang betul, serta mempertimbangkan penggunaan alat penulen udara berpenapis High-Efficiency Particulate Air (HEPA), setakat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan; menyediakan alat perlindungan pernafasan yang sesuai dan dipasang dengan betul, seperti respirator N95 atau yang setara, apabila dikenal pasti sebagai perlu berdasarkan penilaian risiko; dan menyampaikan maklumat mengenai risiko berkaitan jeribu, langkah berjaga-jaga dan sebarang perubahan terhadap aturan kerja secara berkesan kepada para penyelia dan orang yang sedang bekerja.

SHENA dengan tegas mengingatkan semua tempat kerja supaya terus berwaspada, memantau nasihat rasmi yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, serta memastikan langkah kawalan risiko dikaji semula dan disesuaikan mengikut perubahan keadaan bagi melindungi orang di tempat kerja semasa keadaan berjeribu.

Bengkel Pengekoden Mortaliti ICD-10 tingkatkan kualiti data punca kematian



KETUA Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat pada Bengkel Pengekoden Mortaliti ICD-10, Pensijilan Perubatan bagi Punca Kematian dan Orientasi ICD-11.

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad**

BERAKAS, Khamis, 3 September. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Perangkaan, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Dasar dan Perancangan, dengan sokongan teknikal daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), hari ini mengadakan Bengkel Pengekoden Mortaliti ICD-10, Pensijilan Perubatan bagi Punca Kematian dan Orientasi ICD-11 selama tiga hari, bermula 3 hingga 5 September 2026, bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan pembukaan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran

Haji Ismail.

Turut menyampaikan ucapan ialah Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Dr. Chun Paul Soo.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam pensijilan perubatan bagi punca kematian serta pengekoden mortaliti ICD-10 yang tepat dan konsisten.

Data mortaliti yang lengkap dan berkualiti adalah penting bagi menyokong perancangan dasar kesihatan, pemantauan penyakit, pengagihan sumber serta pelaporan kesihatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Lebih kurang 40 peserta menyertai bengkel tersebut, terdiri daripada pegawai perubatan, 'mortality coders' dan pegawai maklumat kesihatan, pegawai rekod perubatan, pakar perubatan kesihatan awam serta wakil-wakil

daripada bidang kejururawatan dan profesional kesihatan bersekutu.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta didedahkan kepada prinsip pensijilan punca kematian, pengekoden mortaliti ICD-10, latihan praktikal, jaminan kualiti dan audit serta pengenalan kepada ICD-11.

Bengkel ini diharap dapat memperkukuh lagi keupayaan negara dalam menghasilkan data mortaliti yang lebih tepat, lengkap dan berkualiti bagi menyokong perancangan dan pembangunan perkhidmatan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LB / TA / 1006
Pembelian Tayar Bagi Kenderaan IVECO 4 Ton dan 1 Ton
Kepunyaan Unit Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Khamis, 10 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026,
2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LB / TA / 1005
Pembelian Bateri Bagi Kenderaan IVECO 4 Ton Dan 1.5 Ton. IVECO Ambulance, IVECO HIAB dan Safety Stock Unit Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Khamis, 10 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026,
2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / CAU / TDDDB / TA / 003
Pembelian Alat Ganti Bagi Membaik Pulih Kelengkapan Padang Tembak Bagi Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
6 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga / Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 10 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Sukan, Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 11 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Hal Ehwal Semasa, Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 12 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Majalah, Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 13 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Dokumentari, Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 14 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei, Daerah

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(121) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term Maintenance for a Period of Thirty Six (36) Months for :
1. Anggerek Desa Swimming Pool
2. Unit Kenderaan, Jabatan Belia dan Sukan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis
22 September 2026
Jam 2.00 Petang



Tutong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 15 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei, Daerah Belait Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
RTB / 16 / 2026
Perkhidmatan Penerbitan Rancangan-Rancangan Bahagian Berita Dan Hal Ehwal Semasa, Radio Televisyen Brunei, Daerah Temburong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran:
BND35.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Tarikh Tutup:
Selasa
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 017 / 2026

Nama Projek:
Kontrek Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Pengepam Air Dan Pemeliharaan Tangki Air Bangunan
Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Commonwealth Drive Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 12 / 2026 / 2027
The Supply & Delivery & Installation Of ARCGIS Online Professional (Formerly Standard) Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Brunei Darussalam

Harga Yuran Tawaran:
BND30.00 bagi hardcopy
(Tidak dikembalikan) atau
BND5.00 bagi Yuran e-dokumen
(Tidak dikembalikan)

Tempat Pengambilan Dokumen Tawaran (hardcopy):
Tingkat 1,
Bahagian Maklumat Perancangan, Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan Berakas, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Selasa,
22 September 2026,
sebelum jam 2.00 Petang



JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Kelas II & III Sahaja Di Bawah Kategori S02 Sahaja

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 07
Term Contract (24 Months) For Janitorial Cleaning Service At Bangunan Dewan Majlis Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Khamis
10 September 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(116) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install Card Printer, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(117) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty Six (36) Months for Jerudong Sports Complex

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(118) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term Maintenance for a Period of Thirty Six (36) Months for :
1. Mumong Sports Complex and Swimming Pool
2. Arena Field Seria
3. Youth and Sports Office Kuala Belait
4. Youth Centre and Multi Purpose Hall (Dewan Serbaguna Bekas Gudang Beras)
5. Bangunan Persatuan-Persatuan Belia Belait
6. Barek Lorong 3 Seria

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(119) JBS / ADM / QC / 2026
To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance and Warranty of Close Circuit Television (CCTV) System at Anggerek Desa Swimming Pool

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
(120) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term Maintenance for a Period of Thirty Six (36) Months for National Swimming Pool, HBNSC



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

No. Bilangan:
04 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Katok
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot A

Keluasan:
2 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman
sayur-sayuran menggunakan
teknologi tinggi / moden
(Greenhouse, Fertigasi,
Hidroponik, Pengairan Titis dan
lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin, 24 Ogos 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin, 21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu, 17 Oktober 2026,
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



No. Bilangan :
05 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Katok
Daerah Brunei dan Muara

No. Lot:
Lot B

Keluasan:
2 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Pelbagai
Tanaman (Jagung, Umbisi, Herba)
menggunakan teknologi tinggi /
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Hidroponik, Pengairan Titis dan
lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin, 24 Ogos 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin, 21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu, 17 Oktober 2026,
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 39 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 195 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Tamoi,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 40 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 190 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Burong Pingai
Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 41 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 110 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.116 'F' Hingga No.115 'I',
Kampung Bakut Pengiran Siraja
Muda 'B', Mukim Peramu,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 42 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 145 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.119 'B' Hingga No.112 'D',
Kampung Bakut Pengiran Siraja
Muda 'A', Mukim Peramu,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 43 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 80 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah

No.151 'N' Hingga Balai Polis
Peramu, Kampung Pekilong
Muara, Mukim Peramu,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 44 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 120 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.153 'O' Hingga No.154 'R',
Kampung Pekilong Muara,
Mukim Peramu,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 45 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 90 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.168 'P' Hingga Sekolah
Rendah Kampung Saba,
Kampung Saba Darat 'B',
Mukim Saba,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 46 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 170 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Sungai Kebun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 47 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 180 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Mukim Sungai Kebun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 48 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 135 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.102'g' Hingga Menuju Daratan,
Kampung Setia 'A',
Mukim Sungai Kebun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 49 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu

Sepanjang 150 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.100 'D' Hingga Menuju
Daratan, Kampung Setia 'A',
Mukim Sungai Kebun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 50 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 145 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.106 'D' Hingga Menuju
Daratan, Kampung Setia 'A',
Mukim Sungai Kebun,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 51 / 2026

Menaiktaraf Jambatan Kayu
Sepanjang 100 Meter Kepada
Tiang Dan Pak Konkrit Serta
Lantai Dan Gelagar Kayu
Bertempat Berdekatan Rumah
No.25 'M' Hingga Menuju Daratan,
Kampung Sungai Asam,
Mukim Burong Pingai Ayer,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01 (Kod Baharu)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 20 / BKTKS /
2026-T / IV

Nama Projek:
Design And Build For
Geosciences And
Minerals Laboratory And
Supply Of Equipment At
Kaji Tanah Dan Kaji Selidik
Building (BKTKS), Department Of
Technical Services

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 September 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Laboratory, Department Of
Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(102) PSD / QTN / 2026 – (IT)
Supply, Delivery,
Installation, Testing And
Commissioning Of High-Rate
Sealed Lead-Acid Uninterrupted
Power Supply (UPS) Backup
Batteries For Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital (RIPASH)
Data Centre UPS System

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1733) / 2026 / HTD
(B9)

To Supply, Deliver And Install
Spare Parts For Two (2)
Units Of Dental Suction Unit,
Brand: METASYS,
Model: EXCOM HYBRID A1,
BME30307 (S/N: EH-04930) And
BME 30308 (S/N: EH-04933)
At Room 26 And Room 28
Pengkalan Batu Health Clinic,
For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1732) / 2026 / HTD
(B9)

To Supply, Deliver And Install
Spare Part For One (1) Unit Of
KAVO Dental Chair,
Model: E70, BME20160
(S/N: 2012-20101248)
At Room 11 Block B
National Dental Centre,
For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1731) / 2026 / HTD
(B9)

To Supply, Deliver And
Install Spare Parts For Two (2)
Units Of Midmark Autoclaves,
Model: DENTISURE B18
For BME29627
(S/N: DB1NCJ1414) At
Block A National Dental Centre
And BME23005
(S/N: DB1NCJ0088) At
RIPAS Specialist For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1730) / 2026 / HTD
(B9)

To Supply, Deliver And
Install Spare Parts For Two (2)
Units Of Air Compressor,
Brand: DURR, Model: TORNADO
130 At Room 28 And Room 29
Pengkalan Batu Health Clinic For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1729) / 2026 / HTD
(B9)

To PPM Nine (9) Units Of PH
Meter in Department Laboratory
Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1728) / 2026 / HTD
(B9)

To Repair Five (5) Units Of Patient
Trolley, Brand: MEDICAL

MASTER, Model: MET-6600, At
Emergency Department,
RIPAS Hospital

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1727) / 2026 / HTD
(B9)

Preventive Maintenance
(Twice A Year) For (10) Units
Convective Warming Unit,
Model: IOB-505 At ICU,
Hospital RIPAS

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1618) / 2026 / HTD
(B9)

One-Off PPM For Seventeen (17)
Units Of Weighing Balances In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

Yuran Sebut Harga :

BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu, 12 September 2026,
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
(100) PSD / QTN / 2026 –
(PHARM)
Supply, Delivery And
Installation Of One Unit Of
TV With Interactive Screen And
One Unit Of TV Trolley Stand
For The Department Of
Pharmaceutical Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1703) / 2026 / HTD
(A20)

Repair And One-Off
Preventive Maintenance For One
(1) Unit Of Automatic Hydrolysis
System Brand: FOSS,
Model: HYDROTEC 8000,
S/N: 9173593, BME20943
At Food Chemistry Laboratory,
Department Of Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1702) / 2026 / HTD
(A20)

One Time Preventive
Maintenance For Thermo Fisher
Scientific Microplate Washer And
Reader At Food Chemistry



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 MINDEF / DFA / FY2026 / LSAU / MAB / TA / 01
 Perkhidmatan Penyewaan Kapal Bagi Eksesais Hikmat Bersatu VII (EKS HBVII)

Yuran Tawaran :
 BND 30.00
 (Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 1 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa
 8 September 2026
 Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / TDDDB / TA / 6012
 Pembelian Sasaran Tembak (Paper Target) Bagi Kontinjen Pasukan Menembak Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
 BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 8 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa,
 15 September 2026
 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LOG / TA / 1003
 Pembelian Alat Kelengkapan Perabot Bagi Kegunaan Markas Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan

Yuran Tawaran:
 BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 8 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa,
 15 September 2026
 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / MAB / TA / 004
 Pembelian Perisian Trendmicro

Yuran Tawaran:
 BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 15 September 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa,
 22 September 2026
 2.00 Petang



**JABATAN KAJICUACA
 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
 DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran Bagi:
 Next Generation Integrated Weather Analysis, Forecast And Warning System

Bilangan Tawaran:
 JKBD / RKN / 1213 - 012

Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa,
 24 November 2026,
 Sebelum
 Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
 TAMAN DAN REKREASI
 KEMENTERIAN
 PEMBANGUNAN**

Kelas:
 II atau III atau IV

Kategori:
 S02

Tarikh Buka Tawaran pada :
 Khamis,
 20 Ogos 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
 Dokumen Tawaran:**
 Selasa,
 8 September 2026

Tarikh Tutup Pada :
 Selasa,
 15 September 2026, Sebelum
 Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T012 / 2026
 Kerja-Kerja Pemothon Rumpit Dan Pembersihan Di Kawasan 'MEDIAN' Dan Kawasan Terpilih Di Sepanjang Lebuhraya Sultan Haji Hassanah Bolkihah Bagi Tempoh Dua (02) Tahun (FSOR).

No. Projek:
 JASTRE / BL / T012 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran :
 BND30.00
 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
 KEMENTERIAN
 PENGANGKUTAN DAN
 INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
 ATELS / 2026 / SH-15
 The Supply And Delivery Of Spare Parts For Air Traffic Management (ATM) Supporting System, Aeronautical Telecommunication Services, Department Of Civil Aviation'

**Tarikh Iklan / Mengambil
 Dokumen Sebut Harga:**
 Rabu,
 26 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
 Dokumen Sebut Harga:**
 Selasa,
 8 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Rabu,
 9 September 2026
 (Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
 Pengerusi
 Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
 Jabatan Penerbangan Awam
 Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 Bandar Seri Begawan BB2513
 Negara Brunei Darussalam



**JABATAN BANDARAN
 KUALA BELAIT DAN SERIA
 KEMENTERIAN HAL EHWAL
 DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Keterangan
 Projek:**
 15 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
 To Supply And Delivery Of Dustbin 50L For Bahagian Penguatkuasaan

**Bilangan Dan Keterangan
 Projek:**
 16 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
 To Supply And Delivery Of Synthetic Poster For Bahagian Penguatkuasaan

**Bilangan Dan Keterangan
 Projek:**
 17 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
 To Supply And Delivery Of Printed Cotton Bag (Tote Bag) & Notebook For Bahagian Penguatkuasaan

Yuran Tawaran:
 BND5.00
 (Non – Refundable)

**Tarikh Tutup
 Tawaran:**
 Selasa
 8 September 2026
 Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERHUTANAN
 KEMENTERIAN EKONOMI,
 PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPH / 003 / SH / 2578 / 2026-2027
 Membekalkan Kayu Bagi Taman-Taman Rekreasi Hutan Dan Taman Negara Ulu Temburong, Jabatan Perhutanan

JPH / 003 / SH / 2582 / 2026-2027
 Membekalkan Peralatan, Kelengkapan Dan Alat Ganti Mesin Bagi Bahagian Ameniti Dan Perkhidmatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
 (Jika Belum Berdaftar):**
 BND10.00

Borang Sebut Harga:
 BND5.00
 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
 Dokumen:**
 Khamis
 3 September 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
 Khamis
 10 September 2026



**JABATAN KERJA RAYA
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas :
 III & IV

Kategori :
 B01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
 BND50.00
 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
 -

Bilangan Tawaran:
 JKR / DTS / 23 / CQS / 2026-T / III

Nama Projek:
 Upgrading & Densification Of Continuously Operating Reference Station (CORS) – Temburong (LAB2)

Bilangan Tawaran:
 JKR / DTS / 24 / CQS / 2026-T / III

Nama Projek:
 Upgrading & Densification Of Continuously Operating Reference Station (CORS) – Kuala Belait (TERA)

Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa,
 22 September 2026,
 Tidak lewat jam 2.00 Petang




**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(92) JBS / ADM / QC / 2026
Urgent Repair Work to
Children Pool at Swimming Pool
Temburong

**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(93) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a
Period of Twenty-Four (24)
Months for
Menglait Sport Complex &
Sungai Kebun Sports Complex

**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(94) JBS / ADM / QC / 2026
Permohonan Pembekalan
Peralatan Asas Asrama
Pusat Belia, Bandar Seri Begawan

**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(95) JBS / ADM / QC / 2026
General Building Term
Maintenance for a
Period of Thirty-Six
(36) Months for
1) Games Village and Marching
Field (Padang Kawad), HBNSC,
2) Hockey Stadium, HBNSC,

3) Squash Centre, HBNSC,
4) Lawn Ball, HBNSC,
5) Petanque Court, HBNSC,
6) Top Spinning Court
(Gelanggang Gasing) HBNSC

**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(100) JBS / ADM / QC / 2026
Menyediakan dan
Menghantar Matras
Pencak Silat Khusus
Latihan Atlet dan Penganjuran
Sukan Pencak Silat Kebangsaan

**Bilangan dan Keterangan
Sebut Harga:**

(101) JBS / ADM / QC / 2026
Pembelian Peralatan
Khusus Latihan Atlet Pelapis
dan Kebangsaan Sukan
Pencak Silat dan Penganjuran
Sukan Pencak Silat Kebangsaan

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
10 September 2026


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berddaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01
Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 19 / BKTGS / 2026-T /
IV

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Di
Simpang 842, Jalan Bukit Silat,
Kampung Jangsak, Mukim Kilanas

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
1 September 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 15 September 2026
Jam 2.00 Petang


**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2026
/ 8 / 1

Quotation For Supply, Delivery
And Installation Of Furnishes And
Fixtures For Hallways At The First
Floor, Law Building, Attorney
General's Chambers, Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha,
BA1910, Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 September 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (Depositi / pangkat serta sajak / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Tali tandatangan dan pengesahan Pihak Kelengkapan Pengurusan Kelulusan (PSPK) yang bertampan)
6. Tandakan " " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Jurnal / pengesahan / Pengesahan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSCR.BN query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSCR.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. JURUTEKNIK KANAN MAKMAL JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/AUG/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	21 SEPTEMBER 2026
2. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (CARDIOVASCULAR TECHNOLOGY) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/AUG/06/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	21 SEPTEMBER 2026

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
ANS / 2026 / SH07
Renovation Work For Air Traffic
Service Centre, General Office,
Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Rabu
26 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa
8 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu
9 September 2026
tidak lewat
jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPA / AME / 2026-2027 / 01
Rubber Deposit Removal
to Brunei International
Airport Runway
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh terakhir
mengambil dokumen
Sebut Harga:**
Isnin,
7 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa
8 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Tingkat 4,
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910,
Negara Brunei Darussalam


Tanaman Padi

JPt / SH / 62 / 2026 - 2027
To Perform Preventive
Maintenance On One (1) Unit Of
Existing LC-MS/MS Under Drug
Residue Laboratory

JPt / SH / 63 / 2026 - 2027
To Perform Service Preventive
Maintenance For Microscope
And Absorbance Microplate
Reader & Washer In Veterinary
Laboratory Services

JPt / SH / 64 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pemasangan Papan
Tanda Baru Bagi Bangunan
Pejabat-Pejabat Dan
Stesen-Stesen Di Bawah
Kawalan Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan

JPt / SH / 65 / 2026 - 2027
Penganalisan Keselamatan
Produk (Mikrobiologi Dan
Kimia) Bagi Keperluan
Pasaran Eksport

**Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut Harga dan
dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat
dari jam 2.00 Petang
pada Khamis,
17 September 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 61 / 2026 - 2027
Membekal Racun Serangga
Perosak Bahan Aktif: Lufenuron
5% Sebanyak 720 Botol
(500ML / Botol)
Bagi Kegunaan
Pengusaha-Pengusaha



PENERIMA BIASISWA 'SULTAN'S SCHOLAR' ZAHIR RASA KESYUKURAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. — Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan pelbagai program bagi pembangunan kapasiti manusia untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ke arah rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya

bagi mencapai taraf kehidupan yang berkualiti tinggi.

Dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) turut mengendalikan beberapa program pembangunan kapasiti manusia bagi melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi yang seterusnya akan berperanan terhadap kemajuan dan pembangunan negara seperti Skim Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB.

Syed Abd. Rahman bin Syed Azmal, lepasan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik - Bachelor of Engineering (Electrical Engineering) di University of New South Wales, Sydney, Australia, ketika ditemui berkata bahawa beliau amat berminat untuk mendalami bidang tersebut.

SYED Abd. Rahman bin Syed Azmal.



Syed Abd. Rahman turut melahirkan harapan agar ilmu serta pengalaman yang bakal diperoleh melalui kursus tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjunjung titah Kebawah DYMM, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Dayang Farah Alyah binti Abdul Rahman, juga merupakan seorang lepasan JIS, yang akan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Perancangan Bandar dan Hartanah (BSc Urban Planning and Real Estate) di University College London, United Kingdom (UK) ketika ditemui menzahirkan rasa syukurnya, kerana terpilih menerima salah satu biasiswa yang berprestij tersebut.

Menurutnya, biasiswa berkenaan bukan sahaja merupakan satu penghargaan, malah turut disertai dengan kepercayaan dan tanggungjawab yang besar. Hal ini menjadi pendorong kepada beliau untuk memberikan usaha yang terbaik dalam pengajian.

Dayang Farah Alyah turut merakamkan penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada ibu bapa, rakan-rakan serta guru-guru yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang perjalanan akademiknya.

Memandangkan kursus yang diikuti berkaitan dengan perancangan bandar, Dayang Farah Alyah berharap agar suatu hari nanti dapat membawa pulang pengalaman dan idea yang diperoleh sepanjang pengajian di UK untuk disumbangkan kepada pembangunan negara, khususnya dalam merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Biasiswa 'Sultan's Scholar' YSHHB adalah merupakan biasiswa yang berprestij dan dianugerahkan kepada penuntut-penuntut yang telah dikenal pasti oleh YSHHB, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sebagai penuntut yang cemerlang dalam bidang akademik dan kegiatan luar sekolah bagi melanjutkan pengajian mereka dari peringkat sarjana muda sehingga ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang di institusi-institusi pengajian tinggi yang berprestij di luar negara yang dibenarkan oleh YSHHB dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah



DAYANG Farah Alyah binti Abdul Rahman.

DYMM.

Tujuan pemberian Biasiswa 'Sultan's Scholar' adalah untuk melahirkan pemimpin yang cemerlang, menyumbang kepada pembangunan agama, sosial dan ekonomi negara serta menjadi generasi penerus yang akan membarisi tampuk kepimpinan bagi kepentingan agama, raja dan negara.

Memohon doa dikurniakan hujan, keselamatan, kesejahteraan negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali daripada merasai kesan keadaan jerebu yang melanda sejak kebelakangan ini, di samping berdepan dengan cabaran perubahan iklim dan pemanasan global yang semakin ketara.

Dalam menghadapi keadaan tersebut, umat Islam di negara ini terus mengutamakan usaha dengan memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar dikurniakan hujan, di samping memohon keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan bagi seluruh rakyat dan penduduk serta bumi NBD.

Sehubungan itu, Doa Memohon Dikurniakan Hujan Disebabkan Dilanda Jerebu dibacakan di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Selain itu, doa berkenaan

turut diamalkan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib setiap hari.

Inti pati doa yang dipanjatkan antaranya "Allahumma Ya Allah, ya Tuhan kami, tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Engkau sahaja. Kepada-Mu jua kami bertawakal dan Engkaulah Tuhan bagi singgahsana yang agung. Tiada daya upaya dan kekuatan melainkan hanya dengan Engkau, Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

"Ya Allah, jadikanlah hujan itu rahmat, bukan azab, bukan kemusnahan, bukan bala, bukan kehancuran, dan bukan kebanjiran. Ya Allah, turunkanlah hujan ke atas bukit, kawasan berpasir, kawasan tumbuh-tumbuhan dan kawasan lembah. Ya Allah, turunkanlah hujan di sekeliling kami, bukan di atas kami.

"Ya Allah, turunkanlah hujan yang menyelamatkan kami

DOA Memohon Dikurniakan Hujan Disebabkan Dilanda Jerebu dibacakan di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara (kanan dan bawah kiri).

daripada kepahitan, hujan yang memakmurkan dan menyuburkan, serta hujan yang sentiasa mendatangkan manfaat sehingga Hari Kiamat.

"Ya Allah, siramilah kami dengan hujan dan janganlah Engkau jadikan kami daripada golongan yang berputus asa. *Allahumma Ya Mujib Doa' issailin*, wahai tuhan yang penyebab semua sebab, wahai tuhan yang memberi harapan pada sesiapa yang memohon, Ya Allah! Bantulah kami dengan menurunkan hujan, Ya Allah bantulah kami dengan menurunkan hujan, Ya Allah bantulah kami dengan menurunkan hujan.

"Mohon peliharakan bumi NBD daripada segala malapetaka dan bencana. Lindungilah ia daripada segala bentuk fitnah dan gangguan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, daripada fenomena kemarau dan jerebu, angin kencang atau taufan, hujan lebat yang membawa banjir besar, gempa bumi dan lain-lain.

"Ya Allah, selisihkanlah segala bencana daripada menimpa negara kami, sama ada ia berlaku di darat, di laut atau di udara, dengan berkat doa yang diajarkan oleh Nabi dan Rasul Tuhan kami yang bermaksud : Wahai bumi, Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah Allah. Kami berlindung dengan Allah daripada kejahatan kamu (wahai bumi), daripada kejahatan yang ada pada kamu,



daripada kejahatan yang dijadikan pada kamu, dan daripada kejahatan apa yang berjalan dan bergerak di atas kamu. Kami mohon berlindung dengan Tuhan kami daripada sebarang lembaga jahat, daripada ular dan kala jengking, daripada jin yang diam di muka bumi, serta dari iblis dan para syaitan".

Amalan doa tersebut juga mencerminkan kebergantungan umat Islam kepada Allah Subhanahu Wata'ala, khususnya ketika berhadapan dengan sesuatu keadaan yang di luar kemampuan manusia, sambil terus berusaha menjaga alam sekitar dan kesejahteraan bersama.

Dalam pada itu, masyarakat turut diseru agar sama-sama memelihara kebersihan alam sekitar, mengelakkan aktiviti yang boleh menyumbang kepada pencemaran udara serta sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga demi kesihatan dan keselamatan masing-masing.

Di NBD, Kementerian Pembangunan menerusi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), sangat peka dengan mengeluarkan pemakluman kepada orang ramai bahawa bermula 1 September 2026, pukul 2.00 petang, laporan kualiti udara di NBD telah dipertingkatkan dengan mengambil kira bahan partikulat PM2.5 ke dalam laporan Indeks Pencemaran Udara (PSI).

Justeru, JASTRe akan terus memantau kualiti udara di NBD dan memberikan maklumat terkini mengenai PSI sebanyak lima kali sehari pada pukul 7.00 pagi, 9.00 pagi, 11.00 pagi, 2.00 petang dan 4.00 petang sepanjang tempoh jerebu.

Semoga dengan usaha, doa dan tawakal yang berterusan, NBD sentiasa berada di bawah rahmat, perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan hujan yang membawa manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh bumi dan penghuninya.



MEMPERKUKUH PERTUKARAN BUDAYA BRUNEI-JEPUN



Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Program Nihongo Partners yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam menjadi platform bagi meningkatkan minat serta motivasi para peserta tempatan untuk mempelajari bahasa Jepun, di samping memperkukuh hubungan

kebudayaan antara Brunei dan Jepun.

Program berkenaan turut memberikan peluang kepada para Nihongo Partners (NPs) untuk mengenali dengan lebih dekat budaya dan kehidupan masyarakat Brunei.

Di samping itu, pengalaman



PROGRAM Nihongo Partners menjadi platform bagi meningkatkan minat serta motivasi para peserta tempatan untuk mempelajari bahasa Jepun, di samping memperkukuh hubungan kebudayaan antara Brunei dan Jepun (atas dan atas kiri).

yang diperoleh sepanjang berada di negara ini seterusnya akan dikongsi apabila mereka kembali ke Jepun, sekali gus berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan kedua-dua negara.

Seramai tujuh NPs menyertai program berkenaan, terdiri daripada Rikako Ishikawa, Akiko Inada, Chiaki Kasai, Kiyo Koyama, Hitoshi Sato, Tomiyo Naka dan Tomoha Noguchi.

Turut menyertai program ialah

enam orang kakitangan Japan Foundation, termasuk Shiina Yamada selaku kakitangan dan Taku Okamoto selaku pakar bahasa Jepun.

Sepanjang program, para peserta berpeluang menyertai pelbagai aktiviti yang memperkenalkan budaya Jepun, antaranya mencuba pakaian tradisional Jepun seperti Yukata dan Happi, permainan Fukuwarai, seni lipatan kertas origami serta permainan tradisional Kendama.

Kunjungan ke Negara Brunei Darussalam berlangsung dari 30 Ogos hingga 6 September 2026, dengan salah satu pengisian program diadakan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam pada 1 September 2026.

Program seumpama itu diharap dapat memperluaskan pemahaman mengenai budaya kedua-dua negara serta menggalakkan pertukaran pengalaman antara masyarakat Brunei dan Jepun, khususnya dalam bidang pendidikan dan pembelajaran bahasa.

Berusaha jadikan akhlak Rasulullah hidup dalam diri kita



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) bergambar ramai pada **Majlis Sambutan Maulidur Rasul** di Ibu Pejabat PPPBD di Kampung Anggerek Desa.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Jumaat, 4 September. - Majlis Sambutan Maulidur Rasul Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) adalah kegiatan pertama kali seumpamanya diadakan PPPBD dengan inisiatif untuk menjadikan kegiatan berkenaan sebagai salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan.

Sehubungan itu, majlis berkenaan yang diadakan pagi tadi bertempat di Ibu Pejabat PPPBD di Kampung Anggerek Desa antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul di Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, atur cara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, selaku Penyelaras Majlis Sambutan Maulidur Rasul PPPBD Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.

Kemuncak acara disusuli dengan tazkirah sempena Sambutan Maulidur Rasul bertajuk 'Habibi Ya Rasulullah Salamun 'Alayk' yang disampaikan oleh Dr. Mariam yang antara lain menggariskan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar mengenang tarikh kelahiran seorang insan agung, tetapi merupakan kesempatan untuk kembali mengenali sosok Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh kasih sayang, kelembutan, kesabaran dan akhlak mulia.

Tazkirah berkenaan juga mengajak para hadirin menyelami beberapa sisi keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang begitu dekat dengan kehidupan manusia, Baginda sebagai insan yang penyayang, pemimpin yang lembut tetapi tegas, insan yang turut merasai kesedihan dan air mata, serta seorang Rasul yang tetap memilih kasih sayang dan pengampunan walaupun disakiti dan ditolak.

Melalui kisah-kisah penuh pengajaran, khususnya peristiwa Taif, para hadirin diajak merenung satu persoalan penting: "Jika kita benar-benar mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sejauh

manakah akhlak Baginda telah hidup dalam diri kita?"

Dalam konteks PPPBD, tazkirah berkenaan turut menghubungkan sirah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan nilai kepimpinan, khidmat, persaudaraan, amanah dan teladan, agar kecintaan kepada Baginda tidak berhenti pada ucapan dan Selawat semata-mata, tetapi diterjemahkan melalui akhlak dan tindakan dalam kehidupan seharian.

Kesimpulannya, mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan hanya dengan mengingati Baginda, tetapi dengan berusaha menjadikan akhlak Baginda hidup dalam diri kita.

Di samping kegiatan-kegiatan kenegaraan, perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan, PPPBD turut aktif dalam mengukuhkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli daripada semua peringkat.

Hadir pada majlis tersebut, Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali; dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Perjumpaan kongsi perkembangan semasa Pengakap Tunas

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan mengadakan Perjumpaan Bersama Guru-guru Kanan Kokurikulum Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Pendidikan Swasta serta Guru Pengawas Pengakap Tunas diadakan di Bilik Persidangan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, hari ini.

Perjumpaan tersebut bertujuan untuk memberikan penerangan dan mengongsikan perkembangan semasa kegiatan Pengakap Tunas, khususnya mengenai penganjuran 5th Brunei Darussalam Cubboree 2026 yang akan datang.

Selain itu, sesi berkenaan turut memberikan penerangan awal kepada pihak sekolah mengenai penyertaan, persediaan dan perkara-perkara berkaitan dengan penganjuran Cubboree, bagi memastikan Guru-guru Kanan Kokurikulum dan Guru Pengawas Pasukan Pengakap di sekolah-sekolah mendapat maklumat yang jelas dan lengkap mengenai program tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Skip Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Sesi kemudiannya diteruskan dengan taklimat dan penerangan mengenai 5th Brunei Darussalam Cubboree 2026 yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Program Belia, Skip Arif bin Abdul Hadi dan Penyelaras Pasukan Pengakap Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Skip Haji Mohammad Amin bin Haji Abdullah.

Perjumpaan tersebut turut menjadi platform bagi mengeratkan kerjasama dan hubungan antara PPNBD dengan pihak sekolah dalam memperkukuh pelaksanaan aktiviti Pengakap Tunas di peringkat sekolah rendah.

Kerjasama yang berterusan antara PPNBD, JPKK dan pihak sekolah adalah penting dalam memastikan program-program kepengakapan dapat dilaksanakan dengan teratur, berkesan dan memberi manfaat kepada para Pengakap Tunas, khususnya dalam membentuk generasi muda yang berdisiplin, berdikari, berkemahiran serta mempunyai semangat kerjasama dan kepimpinan.



SUASANA Perjumpaan Bersama Guru-guru Kanan Kokurikulum Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Pendidikan Swasta serta Guru Pengawas Pengakap Tunas.



Menghadapi jerebu serta kesannya

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan
Infografik : Mohammad Ike Iqrami
Haji Suhaimi

JEREBU merupakan fenomena alam sekitar yang membimbangkan dan kerap kali melanda negara kita. Ia merupakan satu masalah biasa di Asia Tenggara akibat pembakaran hutan yang tidak terkawal. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan pemandangan, malah membawa pelbagai risiko kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Masyarakat terpaksa berdepan dengan langit yang suram serta udara yang tercemar, yang secara langsung menjejaskan kualiti dan aktiviti hidup seharian.

Kita semua tahu bahawa jerebu ialah satu fenomena yang disebabkan oleh kewujudan banyak partikel-partikel kecil yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar dan terapung-apung di udara. Partikel-partikel ini mungkin berasal secara semula jadi ataupun kesan sampingan daripada aktiviti manusia. Apabila partikel-partikel ini wujud dalam kuantiti yang banyak dan berkelompok ia boleh menyekat pancaran cahaya matahari ke bumi. Oleh yang demikian keadaan ini mengurangkan jarak pandangan mata kasar dan boleh membahayakan keselamatan.

Pembakaran terbuka secara haram

Pembakaran hutan merupakan punca utama jerebu yang sering dialami di rantau Asia Tenggara. Aktiviti ini lazimnya berlaku di kawasan yang luas bagi tujuan pembukaan ladang kelapa sawit dan pertanian. Pembakaran hutan ini menghasilkan asap tebal yang membawa partikel zarah halus (PM2.5 dan PM10) ke udara. Apabila angin bertiup ke arah negara-negara jiran, asap ini akan merentasi sempadan, lalu menyebabkan jerebu di kawasan yang jauh daripada lokasi asal pembakaran.

Pembakaran sampah dan sisa pertanian secara terbuka juga menyumbang kepada jerebu. Walaupun kesannya tidak sebesar pembakaran hutan, aktiviti pembakaran terbuka secara haram ini meningkatkan jumlah zarah dan gas berbahaya di udara.

Di sesetengah kawasan, terutamanya di kawasan luar bandar, pembakaran terbuka masih menjadi amalan biasa untuk melupuskan sisa ladang atau

sampah. Tanpa disedari, ia sebenarnya menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara, terutamanya semasa musim panas dan kering.

Fenomena cuaca kering dan angin

Cuaca kering dan angin juga memainkan peranan dalam pembentukan jerebu. Pada musim panas dan kering, zarah debu lebih mudah terampai di udara dan menghasilkan jerebu. Selain itu, angin yang bertiup membawa partikel-partikel kecil dari satu kawasan ke kawasan lain, menyebabkan jerebu di kawasan yang jauh dari punca asal. Situasi ini menjadi lebih buruk lagi apabila angin bertiup membawa asap daripada kawasan pembakaran terbuka atau hutan yang jauh.

Kesan jerebu terhadap kesihatan

Kesan jerebu terhadap kesihatan manusia amat membimbangkan kerana ia boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan jangka pendek dan jangka panjang. Antaranya ialah masalah sistem pernafasan. Zarah halus yang terdapat dalam jerebu boleh meresap ke dalam saluran pernafasan. Ini boleh menyebabkan berlakunya kerengsaan pada hidung, tekak dan paru-paru. Bagi mereka yang sudah mempunyai masalah pernafasan seperti asma atau bronkitis, jerebu boleh memburukkan lagi keadaan kesihatan mereka. Jerebu yang berterusan juga boleh menyebabkan jangkitan pernafasan seperti pneumonia dan penyakit paru-paru obstruktif kronik.

Kesan pada sistem imun

Jerebu boleh melemahkan sistem imun manusia, menjadikan individu lebih mudah terdedah kepada pelbagai penyakit. Zarah-zarah jerebu di udara boleh menyebabkan badan mengalami tekanan oksidatif yang akhirnya merosakkan sel-sel imun tubuh sekiranya dihidu secara berpanjangan. Akibatnya, sistem imun akan menjadi lemah, meningkatkan risiko jangkitan virus dan bakteria.

Kesan jerebu terhadap alam sekitar

Jerebu juga memberi impak buruk terhadap alam sekitar. Antara kesan-kesan tersebut termasuklah pencemaran air. Zarah-zarah halus dari jerebu boleh meresap ke dalam air sungai, tasik, dan laut. Ini boleh menyebabkan pencemaran air dan menjejaskan ekosistem akuatik. Apabila

zarah-zarah tersebut terlarut dalam air, ia akan membahayakan hidupan laut dan mempengaruhi bekalan air bersih untuk manusia.

Penanaman pokok adalah langkah jangka panjang untuk mengatasi isu jerebu. Pokok berfungsi sebagai penapis udara semula jadi yang boleh menyerap karbon dioksida dan menghasilkan oksigen. Program penanaman pokok perlu digiatkan untuk memastikan keseimbangan ekosistem terpelihara.

Kesedaran awam mengenai jerebu dan kesan buruknya perlu dipertingkatkan dengan pendidikan alam sekitar. Kempen dan program pendidikan perlu dijalankan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan jerebu.

Kesan jerebu pada ekonomi

Jerebu juga memberi kesan yang teruk terhadap ekonomi negara. Antaranya ialah kerugian pada sektor pelancongan. Jerebu yang berpanjangan boleh menjejaskan sektor pelancongan di negara ini apatah lagi Tahun Melawat Brunei 2027 akan bermula pada tahun hadapan. Pelancong asing cenderung untuk memilih negara dengan udara yang bersih berbanding negara yang mempunyai isu jerebu yang serius. Penurunan kehadiran pelancong ini boleh menyebabkan kerugian kepada industri hotel, restoran, dan perkhidmatan pelancongan lain.

Kesan jerebu pada keselamatan

Selain itu, kesan jerebu juga boleh mengurangkan jarak penglihatan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh komponen-komponen yang ada dalam

jerebu berupaya menyerap dan menyebarkan cahaya matahari. Hal ini amat menakutkan kerana risiko kemalangan boleh berlaku seperti kapal terbang dan kapal laut atau kenderaan di jalan raya menjadi semakin besar. Keadaan ini amat membahayakan keselamatan kerana kemalangan boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda, kecelakaan dan kehilangan nyawa.

Selain berusaha, memohonlah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala agar negara kita sentiasa dijauhkan dari musibah dengan berdoa ketika udara dicemari Jerebu.

"Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepada-Mu kebaikan angin ini, kebaikan yang ada padanya dan kebaikan apa yang diperintahkan dengannya. Dan kami berlindung dengan-Mu daripada keburukan angin ini, keburukan yang ada padanya dan keburukan apa yang diperintahkan dengannya". (Hadis Hasan Shahih Riwayat Imam at-Tirmidzi)

Kesimpulan

Awda perlu mengikuti perkembangan semasa melalui media massa seperti akhbar, televisyen dan radio untuk mengetahui tahap jerebu semasa di tempat awda supaya dapat mengambil langkah-langkah pencegahan. Awda juga boleh mengikuti @jastre.bn di Instagram bagi mengetahui bacaan PSI harian dan perkembangan kualiti udara terkini. Platform seperti aplikasi mudah alih WhatsApp sentiasa dikongsi untuk memberi amaran kepada masyarakat apabila indeks PSI mencapai tahap yang membahayakan.

Selain itu pastikan awda mengikut nasihat keselamatan dan kesihatan agar awda dan keluarga akan terhindar daripada sebarang perkara yang tidak diingini.



Awang Muhamad Faiz Najwan bin Muhammad Saleh, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang).

"Kejayaan ini bukan sekadar pencapaian akademik, bahkan merupakan nikmat dan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang hadir daripada hasil doa, pengorbanan dan sokongan insan-insan yang dikasihi. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada kedua ibu bapa, keluarga, para pensyarah, guru-guru serta sahabat-sahabat yang sentiasa membimbing dan mendoakan. Dalam perjalanan menghafaz Al-Quran, saya berpegang kepada prinsip istiqamah, sabar dan tidak mudah berputus asa kerana hafazan memerlukan kesungguhan yang berterusan. Saya berdoa agar ilmu dan hafazan yang diperoleh menjadi bekalan untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Kepada para pelajar, teruslah istiqamah, hargai masa dan guru, serta yakinlah bahawa setiap kesusahan dalam menuntut ilmu pasti mempunyai hikmah dan ganjarannya".



Dayang Nur Munirah Farhana binti Mahrman, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang).

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan ini. Bagi saya, kejayaan ini merupakan satu nikmat dan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak mungkin dicapai tanpa doa, sokongan dan pengorbanan ibu bapa, keluarga, guru-guru, para pensyarah serta rakan-rakan seperjuangan. Sepanjang pengajian, saya berpegang kepada prinsip istiqamah, sabar dan tidak mudah berputus asa, khususnya dalam menjaga hafazan serta melakukan *muraja'ah* (mengulang hafalan Al-Quran) secara konsisten. Saya berharap ilmu Al-Quran dan qiraat yang diperoleh terus diberkati, diamalkan dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Nasihat saya kepada para pelajar ITQSHHB, hargailah setiap peluang menuntut ilmu, sentiasa memperbaiki niat, hormati pensyarah, guru-guru, rakan-rakan dan teruskan berusaha walaupun menghadapi kesukaran. Percayalah, setiap ayat yang dihafaz dan usaha yang dicurahkan merupakan langkah menuju kejayaan dan keberkatan. Yakinlah bahawa setiap usaha dan kesabaran pasti mempunyai nilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala".



Sinar huffaz, peneraju tamadun ummah

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

HAKIKATNYA, untuk menggenggam syahadah (sijil) dalam bidang hafazan 30 juzuk Al-Quran dan ilmu qiraat bukanlah sesuatu yang mudah tanpa adanya ketekunan dan ketulusan yang sentiasa diterapkan dalam jiwa raga seorang huffaz. Saban tahun, Institut Tahfiz

Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) terus berkembang maju sebagai sebuah institusi hafazan Al-Quran yang terunggul dan mampu melahirkan lebih ramai generasi huffaz yang profesional, progresif dan kompetitif sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa. Oleh itu, lakaran kejayaan sekali lagi dirai dengan penuh kesyukuran apabila pada tahun ini telah

menyaksikan 38 orang graduan ITQSHHB menerima Sijil Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at mereka bagi Sesi Pengajian 2023 - 2026 pada Haflut Takharruj (Majlis Konvokesyen) ITQSHHB Ke-14 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, baru-baru ini.

Awang Muhammad Hasif bin Haji Abdullah Sumali, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik).

"Bagi saya, kejayaan ini bukan sekadar pencapaian akademik, bahkan merupakan satu amanah dan nikmat besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang terhasil daripada doa, pengorbanan serta sokongan ibu bapa, para guru, pensyarah dan sahabat-sahabat. Perjalanan menghafaz dan mempelajari Al-Quran mengajar saya erti istiqamah, sabar dan tidak mudah berputus asa kerana Al-Quran bukan sekadar untuk dihafaz, tetapi untuk dijaga, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan. Saya berharap agar ilmu yang diperoleh menjadi ilmu yang bermanfaat serta menjadi bekalan untuk berbakti kepada agama, masyarakat dan negara. Kepada rakan-rakan di ITQSHHB, jangan pernah merasa penat dalam menjaga Al-Quran kerana mungkin ayat yang kita ulang berkali-kali hari ini akan menjadi cahaya yang menerangi kehidupan kita pada masa hadapan".



Dayang Nur Haziyah binti Haji Awang Mohd. Taha, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang).

"Alhamdulillah, kejayaan ini membuatkan saya lebih banyak menoleh ke belakang daripada melihat ke hadapan. Semakin melihat apa yang telah dilalui, semakin saya sedar betapa kecilnya saya sebenarnya. Apa yang kelihatan besar hari ini bukan kerana saya hebat tetapi kerana terlalu banyak tangan yang membentuk, mendidik, membimbing, mendoakan dan berkorban sehingga saya sampai ke titik ini. Dalam perjalanan menghafaz Al-Quran di sini, saya belajar untuk tetap melakukan walaupun berat, mula dan cuba walaupun terpaksa. Kita tidak akan sentiasa bersemangat, tetapi kita sentiasa boleh memilih untuk tidak berhenti. Prinsip inilah yang ingin saya titipkan kepada yang masih meniti pengajian di ITQSHHB. Jangan berhenti hanya kerana penghujungnya belum kelihatan dan teruskan melangkah kerana setiap perjalanan ada tempat yang Allah Subhanahu Wata'ala sediakan untuk kita sampai. Kepada 38 rakan seperjuangan saya, kita mungkin sampai di penghujung satu perjalanan di ITQSHHB, tetapi saya berharap ini bukan penghujung perjalanan kita bersama Al-Quran. Semoga kita semua menjadi asbab ibu dan ayah kita semua dipakaikan mahkota cahaya sebagai salah satu buah daripada Al-Quran yang pernah kita perjuangkan bersama".



Awang Md. Hisyamuddin bin Awang Haji Madoon, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik).

"Dari sudut hati saya yang begitu gembira, kejayaan yang dicapai ini bukanlah semata-mata tentang pencapaian akademik, tetapi sesungguhnya peluang untuk menuntut ilmu Al-Quran ini merupakan satu anugerah dan nikmat serta amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang amat wajar disyukuri. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada ibu bapa dan ahli keluarga, para pensyarah serta rakan-rakan yang sentiasa menjadi sumber kekuatan dan sokongan serta doa yang tidak putus-putus. Salah satu prinsip yang sentiasa saya pegang ialah sentiasa memperbaiki diri dan memperbetulkan niat dari hari ke hari agar ilmu yang dipelajari mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat dimanfaatkan kepada orang lain. Kepada rakan-rakan yang masih meniti alam pengajian di ITQSHHB, manfaatkanlah setiap peluang yang diberikan untuk menimba ilmu, sentiasalah menghormati para pensyarah dan jangan sesekali melupakan pengorbanan ibu bapa yang bertungkus-lumus bekerja demi masa depan kita. Jadikanlah pengorbanan mereka sebagai pembakar semangat untuk terus berusaha kerana kejayaan yang kita kecapai hari ini tidak pernah terpisah daripada doa, pengorbanan dan sokongan insan-insan yang sentiasa berada di belakang kita".



Dayang Nurul Auni Barizah binti Haji Sufri, Graduan Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat dengan memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang).

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur atas kejayaan yang saya perolehi semasa menempuhi tiga tahun tempoh pembelajaran dalam bidang ini. Kejayaan ini adalah kurniaan dan amanah besar untuk terus menjaga Kalam Allah, diiringi rasa syukur setinggi-tingginya serta penghargaan buat ibu bapa, para pensyarah dan rakan-rakan yang sentiasa mendoakan dan mendorong saya untuk menjadi seorang insan yang mempunyai tanggungjawab dan budi pekerti. Prinsip yang sentiasa saya pegang adalah disiplin diri terutama sekali dalam penjagaan waktu, menjaga niat kerana Allah dan tidak pernah jemu mengulang hafazan biarpun berdepan pelbagai cabaran. Harapan saya agar ilmu dan hafazan ini dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara dalam membentuk generasi Wawasan Brunei 2035. Nasihat saya buat rakan-rakan dan adik-adik di ITQSHHB, tanamkan kesabaran yang tinggi, jangan berputus asa, hormati guru, dan jadikan Al-Quran sebagai sahabat sejati dalam setiap langkah kehidupan".



4 OPERASI PENGUATKUASAAN DILAKSANAKAN MENERUSI OPERASI KAKAS 2026

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



SEKITAR Operasi-operasi Kakas semasa dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan dan Cawangan Kuala Belait (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Dalam usaha berterusan bagi membanteras pesalah-pesalah imigresen yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan (BSB) dan Cawangan Kuala Belait telah melaksanakan empat operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026.

Operasi Kakas 90/2026 telah menyasarkan kawasan sekitar di Mukim Belait dan hasil daripada operasi tersebut, seorang warganegara asing yang diperiksa telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan dua kesalahan, iaitu di bawah Peraturan 15(2), Peraturan

Imigresen, Penggal 17, iaitu tidak bekerja dengan majikan asal dan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara Operasi Kakas 91/2026 pula menyasarkan rumah sewa di Mukim Keriam dan dua warganegara asing telah pun diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut. Seorang warganegara asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh dan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Manakala seorang warganegara asing pula dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 55(1)(d), Akta Imigresen, Penggal 17 kerana memberikan perlindungan kepada pesalah imigresen.

Semasa Operasi Kakas 92/2026 yang menyasarkan rumah sewa di Mukim Berakas 'A', seramai 15 warganegara asing telah diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Kesemua warganegara asing

berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh dan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Manakala Operasi Kakas 93/2026 pula menyasarkan kawasan sekitar di Mukim Belait dan pemeriksaan telah dijalankan

ke atas 18 warganegara asing dan kesemua individu yang diperiksa didapati mempunyai dokumen perjalanan dan Pas Imigresen yang sah.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).



Meningkatkan kesedaran penjawat awam terhadap ancaman jenayah siber

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 September. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menyampaikan dua sesi taklimat kesedaran jenayah siber kepada kakitangan kerajaan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Sesi pertama menerusi Program Digital Literacy telah dihadiri oleh seramai 30 kakitangan kerajaan dengan memberi fokus kepada kepentingan celik digital dan mengenal pasti risiko dalam penggunaan internet.

Sementara itu, sesi kedua pula melalui Program Induksi Perkhidmatan Awam disertai oleh 181 kakitangan kerajaan baharu dengan penekanan terhadap tanggungjawab dan integriti penjawat awam di era digital.

Kedua-dua sesi telah disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad yang mengetengahkan trend semasa jenayah siber, termasuk penipuan pelaburan, pinjaman wang dan penyamaran sebagai agensi kerajaan.

Peserta turut diingatkan agar tidak menyerahkan, menyewakan atau meminjamkan kad SIM dan akaun bank kepada pihak ketiga kerana boleh disalahgunakan bagi kegiatan jenayah.

Dengan jumlah keseluruhan seramai 211 peserta, program berkenaan dihasrat dapat meningkatkan kesedaran penjawat awam terhadap ancaman jenayah siber.

Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Bantu Anti-Penipuan 16993 bagi menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan penipuan.



BAHAGIAN Siasatan Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei menyampaikan sesi taklimat kesedaran jenayah siber kepada kakitangan kerajaan di Institut Perkhidmatan Awam.

Sebuah syarikat, 2 individu dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



HASIL daripada Operasi Bersih 10/2026 yang dilaksanakan di beberapa kawasan di bawah kawalan Bandaran pada 20 Ogos 2026 (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 September. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JB BSB) melalui Seksyen Penguatkuasaan telah mencatatkan tiga kes pelanggaran di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), Bab 12(1) semasa melaksanakan Operasi Bersih 10/2026 di beberapa kawasan di bawah kawalan Bandaran pada 20 Ogos 2026.

Hasil daripada operasi berkenaan, tindakan denda kompaun telah dikenakan ke atas sebuah syarikat dan dua individu seperti berikut, iaitu kes pertama, sebuah syarikat, Sibana Sdn. Bhd. dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 setelah didapati

melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1)(a), iaitu meninggalkan bekas kabinet, kotak dan *paper rod* di kawasan belakang premis Sibana Sdn. Bhd., Bangunan Haji Daud, Gadong.

Manakala kes kedua pula, iaitu seorang individu, Awang Mohammad Adi Danish bin Mohammad Khairul Nazri telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND300 setelah didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1)(e), iaitu membuang abu rokok dan puntung rokok di kawasan depan Bangunan Little Soho, Batu Bersurat.

Sementara kes ketiga, iaitu seorang individu, Awangku Mohammad Aizat Shakeel bin Pengiran Mohamad Khairul Sherzeman telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND300 setelah didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1)(e), iaitu membuang abu rokok dan puntung rokok di kawasan depan Bangunan Little Soho, Batu Bersurat.

JB BSB ingin memperingatkan orang ramai, pihak syarikat, serta pemilik premis perniagaan bahawa kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), tindakan tegas boleh diambil dengan denda maksimum jika sabit kesalahan adalah sebanyak BND30,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tempoh 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai dan pihak peniaga disarankan agar tidak membuang, melonggokkan, atau meninggalkan sebarang sampah-sarap mahupun sisa perniagaan di kawasan awam. Sebarang aduan atau maklumat mengenai kesalahan kebersihan boleh disalurkan terus ke Talian Hotline Seksyen Penguatkuasaan di +673 7291122.



MUZAKARAH TANGANI ISU ANJING LIAR

■ Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 4 September. - Sesi Muzakarah berhubung isu anjing liar di Daerah Tutong telah pun diadakan di Bilik Gerakan, Daerah Polis Tutong dipengerusikan bersama oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis Haji Irham bin Haji Muhammad Arshad dan Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Turut hadir, pegawai-pegawai Polis Daerah Tutong serta wakil-wakil daripada jabatan dan agensi yang berkenaan.

Sesi Muzakarah berkenaan diadakan untuk mengongsikan bersama status tindakan menangani isu anjing liar dan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai agensi. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuk kawasan-kawasan *hotspot* dan peningkatan jumlah anjing liar.

Selain itu, sesi tersebut turut meneliti peranan dan bidang kuasa setiap jabatan dan agensi yang berkaitan, di samping membincangkan aspek keselamatan, kebersihan dan kebajikan haiwan.

Langkah-langkah pencegahan serta tindakan susulan secara bersepadu akan diperkukuhkan lagi bagi menangani isu-isu ini di Daerah Tutong secara lebih berkesan dan menyeluruh.



SESI Muzakarah berkenaan diadakan untuk mengongsikan bersama status tindakan menangani isu anjing liar dan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai agensi.



Didenda kerana memiliki 468 unit vape pelbagai jenis

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BELAIT, Khamis, 3 September. - Awangku Mohammad Azman bin Pengiran Mat Jalani, warganegara Brunei berusia 24 tahun telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND67,000 atau 16 bulan pemenjaraan.

Awangku Mohammad Azman mengaku bersalah di hadapan Majistret, Nur Eleana binti Dato Paduka Haji Hairol Arni atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 kerana memiliki 468 unit vape pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap pada 14 September 2025 pada pukul 4.30 petang, bertempat di Bahagian Ketibaan, Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait.

Kesemua barang yang terlibat, iaitu vape pelbagai jenis dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.



Bismillah itu permulaan kalam,
Kisah tersurat kekasih alam,
Menjadi suluh dicelah malam,
Menguris hati yang kian kelam.

Menjadi suluh dicelah malam,
Menyinar cahaya ke segenap alam,
Memadam sengketa dendam mendalam,
Menuntut jiwa memeluk Islam.

Lahir insan ke alam dunia,
Manusia istimewa sangat mulia,
Rasul agung paling aulia,
Sebaik contoh ikutan manusia,

Belum pun lahir anakanda dinanti,
Suami tercinta wafatnya pasti,
Aminah tabah cekalkan hati,
Menjaga kandungan penuh teliti.

Ketika hamil cahaya memancar,
Tanda lahirnya insan terbesar,
Segala duka menjadi pudar,
Rahmat Ilahi semakin menjalar.

Lahir Nabi di bumi Anbiyaa,
Yatim piatu di awal usia,
Diasuh datuk berakhlak mulia,
Penyuluh alam penerang dunia.

Kelahiran Rasulullah penyuluh akidah,
Membimbing umat berakhlak indah,
Walau dugaan datang tak sudah,
Berkat kesabaran semuanya mudah.

Zaman jahiliah tiada terarah,
Manusia hanyut dalam amarah,
Kelahiran Rasul suatu anugerah,
Penyuluh dunia bersinar cerah.

Semenjak kecil tiada berayah,
Lahir baginda di zaman jahiliah,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah

Penduduk belum menerima hidayah,
Berbagai puak berbeza wilayah.

Nabi diputerakan di Kota Mekkah,
Kelahiran baginda membawa berkah,
Satukan umat yang selalu bertelingkah,
Tamak rakus bersifat serakah.

Lahir Rasul penyuluh insani,
Bawa kebenaran suci dan murni,
Menyatukan umat ke arah harmoni,
Bersihkan jiwa hati rohani.

Di gua hira bermunajat lama,
Jibril menyampaikan pedoman beragama,
BACALAH... seruan ayat pertama,
Menyuluh menerangi umat bersama.

Dari Mekkah hijrah ke Madinah,
Menghindari diri daripada difitnah,
Ketibaan baginda membawa amanah,
Menyebarkan dakwah berpandukan sunnah.

Meninggalkan Mekkah terasa hiba,
Di bumi Madinah saujana tiba,
Dakwah baginda sering dicuba,
Akhirnya kebenaran datang menyerba.

***Menyerba (daripada kata dasar serba) membawakan gambaran sesuatu yang hadir melengkapi segenap sudut.**

Hijrah Nabi lambang perjuangan,
Tabah hadapi pelbagai tentangan,
Perjuangan Nabi ristaan kenangan,
Menyemai iman di kalbu renungan.

Baginda laksana pelita menyala,
Membimbing umat bertatasusila,
Hindari maksiat yang bermaharajalela,
Dari kesesatan yang penuh cela.

Ansar dan Muhajirin bersatu hati,
Mengikat janji hidup semati,
Paksi daulah teguh terpatrit,
Cahaya Islam kian sebatit.

Cahaya Islam kian sebatit,
Mekar harum di dalam hati,
Sunnah baginda sentiasa diikuti,
Tanda cinta tiada mati.

Rasul bagaikan pelita budiman,
Penerang jiwa di badai zaman,
Membimbing umat menuju aman,
Jauhi syirik kukuhkan iman.

Rasul menyuluh alam nyata,
Memberi petunjuk untuk kita,
Ajaran Islam terpateri terkota,
Keimanan bersinar laksana permata.

Digelar Al-Amin sepanjang masa,
Bersifat jujur mulia perkasa,
Sentiasa santun mendidik bangsa,
Akhlaknya indah terpuji sentiasa,

Rasullullah itu suluh akidah,
Menyinar iman di jalan indah,
Membimbing umat menepis gundah,
Teguh bertauhid tiada berubah.

Ayuhai watan daulah laksana,
Peganglah sunnah dengan sempurna,
Teguh akidah mengeri wacana,
Negara beroleh rahmat saujana.

Banyakkan berselawat untuk Baginda,
Di hari Jumaat dilipat ganda,
Syaitan gerun takut menggoda,
Ganjaran keberkatan tenangkan minda.

Akhir kalam susunan jemari,
Terima kasih terukir memori,
Mohon maaf kesilapan sendiri,
Moga direstui pakar jauhari.

**Nadi©
Rabiulawal ke 12 Hijrah 1448
Ogos ke 24 Masihi 2026**

Rasulullah Pembawa Cahaya Di Akhir Zaman

12 Rabiulawal bulan yang penuh keberkatan
Di bulan maulid kita mengenang,
Kelahiran insan tercinta.

Nabi Muhammad Nabi junjungan,
Diutus rahmat ke seluruh alam,
Baginda mengajar kasih sesama insan,

Agar hati terus bercahaya tak akan padam.

Wahai Muhammad,
Namamu disebut angin di setiap penjuru,
Namamu dijunjung waktu di setiap zaman,

Kehadiranmu membawa senyum.

Akhlakmu adalah Al-Quran yang mengajar erti sabar,
Dikau ajar erti syukur,
Walau diuji, walau dicaci,
Tetap memaafkan, tetapi menyayangi.

Ya Rasulullah, rindu kami padamu,
Walau tak pernah bersua wajahmu,
Jadikan kami umat yang meneladani,
Akhlakmu di setiap waktu.

Ya Rasulullah...

Hari ini kami raikan kelahiranmu,
Kami meriahkan masjid dengan berselawat kepadamu
Kerana rindu kami padamu bukan sekadar di mata namun janji.

Kelahiranmu Ya Rasulullah membawa cahaya,
Kepergianmu meninggalkan cinta,
Selamat Menyambut Maulidur Rasulullah,
Yang menjadi pemimpin ummah.

**Nukilan : Dur'Anun
20 OGOS 2026**

Pembawa Rahmat Penggerak Juang

12 Rabiulawal kelahiran-Mu dikenang
Junjungan berjasa bersemangat juang

Nabi pembawa Rahmat semesta alam

demi hasrat sinar kemilau-Mu bulan penuh ceria kemenangan gemilang
bukan bak punggung merindukan bulan bukan sekadar rindu menyebut-Mu setiap waktu sedang lewat selawat sahih ku lafazkan

Benar, bulan ini keramat dan berkah
kemenangan yang tak dapat dilupa

tiada lekang dek panas tiada lekuk dek hujan restu syafaat-Mu sentiasa ku impikan
bahagianya umat Muhammad seantero dunia aku pasrah dan yakin kepada-Mu kepinginku insan Muslim dalam selamat

Demi keluhan heningnya kalbuku harapan ini di puncak kasih-Mu

demi selawat dan yakinku menghimbau restu muhibah rasa selamat kembara cinta

demi Islam dan ikral setia Engkaulah Nabi Junjungan di akhir zaman

doa restu-Mu ku pohonkan semangat penggerak juang bukan pertikaian sesama tapi penegak kebenaran mutlak!

**Pengiran Haji Shamsu PHK
Kg. Selayun, Sengkurong
18 Ogos 2026**

PEMANASAN GLOBAL DIJANGKA LEPASI HAD 1.5 DARJAH CELSIUS - PBB



NAIROBI, 3 Sept. - Pemanasan global dijangka melepasi had 1.5 darjah Celsius yang ditetapkan dalam Perjanjian Paris dalam tempoh beberapa tahun akan datang, menurut laporan yang dikeluarkan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) pada Rabu, lapor Xinhua.

Walaupun dalam senario paling optimistik, peningkatan suhu dijangka memuncak pada 1.8 darjah Celsius lebih tinggi berbanding paras praindustri, menurut laporan itu, sambil memberi amaran bahawa cuaca ekstrem yang semakin buruk dan kehilangan ekosistem akan mengancam kesihatan,

keselamatan makanan, infrastruktur serta ekonomi. "Tiada hasil yang baik sekiranya peningkatan suhu kekal melebihi 1.5 darjah Celsius," kata Pengarah Eksekutif UNEP Inger Andersen. "Di seluruh dunia, gelombang haba ekstrem sudah

membuktikan bahawa kesan perubahan iklim akan berlaku lebih cepat, memberi kesan lebih buruk dan berpanjangan -- meragut lebih banyak nyawa serta menyebabkan gangguan yang lebih serius". Bagaimanapun, laporan itu menyatakan bahawa masih ada kemungkinan untuk menurunkan

suhu dan mencapai matlamat global Perjanjian Paris menerusi laluan 'melangkaui, memuncak dan menurun', dengan peningkatan suhu pada paras kemuncak diminimumkan melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau secara segera dan berterusan. - ©BERNAMA

Australia catat penurunan pertama kes curi, rompak sejak COVID-19

CANBERRA, 3 Sept. - Jumlah mangsa kes curi dan rompakan yang direkodkan polis di Australia menurun pada 2025 buat kali pertama sejak pandemik COVID-19, manakala kes kecurian kenderaan bermotor meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh 17 tahun, menurut data rasmi pada Khamis, lapor Xinhua. Data Biro Perangkaan Australia (ABS) menunjukkan jumlah mangsa rompakan menurun lapan peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 10,591 orang pada 2025, manakala mangsa kes curi, tidak termasuk kecurian kenderaan bermotor, susut dua

peratus kepada 581,209. Ketua Statistik Jenayah dan Keadilan ABS Samantha Hall berkata kes curi dan rompakan pada 2025 mencatat penurunan buat kali pertama sejak kemerosotan yang berlaku serentak dengan sekatan COVID-19. Kes rompakan dan kecurian menurun di kebanyakan negeri dan wilayah Australia. Queensland merekodkan penurunan terbesar bagi kes rompakan, susut 13 peratus atau 403 mangsa, diikuti New South Wales dengan penurunan 11 peratus atau 255 mangsa. Western Australia pula mencatat

penurunan terbesar bagi kes curi, susut 13 peratus atau 10,405 mangsa, diikuti South Australia dengan penurunan 11 peratus atau 5,301 mangsa. Lebih dua perlima atau 43 peratus kes curi berlaku di premis peruncitan, manakala 30 peratus kes rompakan berlaku di jalan raya atau laluan pejalan kaki. Sementara itu, kes kecurian kenderaan bermotor di seluruh negara meningkat kepada 66,625 pada 2025, paras tertinggi dalam tempoh 17 tahun. ABS memaklumkan peningkatan keseluruhan itu didorong oleh pertambahan kes di Victoria

sebanyak 11 peratus dan New South Wales tiga peratus, manakala

kawasan lain mencatat penurunan. - ©BERNAMA

Kuwait benar kerajaan pinjam daripada dana kekayaan berdaulat

BANDAR KUWAIT, 2 Sept. - Kuwait pada Selasa mengeluarkan dekri yang membenarkan kerajaan meminjam daripada dana kekayaan berdaulat negara itu bagi menyokong kewangan negara, sekali gus menamatkan sekatan selama beberapa dekad terhadap penggunaan simpanan jangka panjang negara untuk keperluan belanjawan, lapor Xinhua.

Dekri yang disiarkan dalam warta rasmi Kuwait Today itu membenarkan kerajaan meminjam daripada dana kekayaan berdaulat negara, yang dikenali sebagai Dana Generasi Akan Datang dan diuruskan oleh Kuwait Investment Authority bagi menyokong Dana Rizab Am yang berfungsi sebagai perbendaharaan kerajaan dan digunakan untuk membiayai perbelanjaan belanjawan negara.

Mengikut peraturan baharu, sebarang pinjaman memerlukan kelulusan Kabinet, dengan setiap pinjaman perlu menetapkan jumlah, tujuan, kadar pulangan, tempoh serta jadual pembayaran balik, selain syarat bagi sebarang penjadualan semula.

Jumlah pinjaman tahunan tidak boleh melebihi purata pulangan dana itu bagi lima tahun fiskal diaudit sebelumnya, manakala jumlah baki pinjaman dihadkan kepada 10 peratus daripada nilai aset bersih dana berkenaan.

Tiada pinjaman baharu dibenarkan sekiranya mana-mana had itu dicapai.

Dekri itu turut menetapkan bahawa pembayaran balik pinjaman berkenaan diberi keutamaan daripada hasil negara dan pinjaman itu tidak boleh dikurangkan atau dihapus kira kecuali melalui undang-undang.

Dekri itu meminda undang-undang 1976 yang mengawal selia Dana Generasi Akan Datang, yang ditubuhkan bagi melaburkan sebahagian daripada kekayaan minyak dan lebihan fiskal Kuwait untuk generasi akan datang.

Menurut memorandum dekri itu, perubahan berkenaan bertujuan mengimbangi keperluan pembiayaan semasa negara dengan usaha melindungi aset dana dan memelihara kekayaan untuk generasi akan datang. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon baik pulih Terminal 1 menjelang 2035

SEOUL, 2 Sept. - Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon, pintu masuk utama Korea Selatan bakal menyaksikan Terminal 1 yang kian berusia, diubah suai sepenuhnya menjelang 2035, menurut pengendali lapangan terbang itu pada Selasa. Pihaknya memaklumkan pihak berkuasa lapangan terbang merancang membelanjakan lebih 1.77 trilion won (US\$129 bilion) bagi tujuan berkenaan, lapor Agensi Berita Yonhap. Di bawah projek yang diterajui Incheon International Airport Corp. (IIAC), sistem mekanikal, elektrik, telekomunikasi dan pamadaman kebakaran yang dibina 25 tahun lepas akan diganti bagi memenuhi peraturan keselamatan semasa. Sistem pengendalian bagasi (BHS) turut akan dinaik taraf daripada pemeriksaan terpilih

kepada sistem pemeriksaan 100 peratus. "Kami merancang menyiapkan reka bentuk menjelang September tahun depan dan memulakan kerja pembinaan pada 2028," kata Ketua Pasukan Strategi Korporat IIAC Cho Sung-mi pada taklimat media di Lapangan Terbang Schiphol, Amsterdam. Menurut Cho, pengendali lapangan terbang itu merancang mengambil iktibar daripada Lapangan Terbang Schiphol, hab Eropah berusia 60 tahun yang sedang menjalani reka bentuk semula menyeluruh kemudahan sedia ada bernilai 16 trilion won (kira-kira US\$11 bilion) berikutan kekurangan tanah untuk membina lapangan terbang baharu. Kerja baik pulih yang dirancang itu turut akan menyatukan enam balai berlepas dan ketibaan di

Lapangan Terbang Incheon kepada satu sistem bersepadu, selain menyusun semula kawasan bebas cukai dan komersial bagi melancarkan pergerakan penumpang. Bagi memastikan operasi lapangan terbang terus berjalan, terminal itu akan dibahagikan kepada sekurang-kurangnya tiga zon untuk kerja pembinaan secara berperingkat. IIAC turut meneliti pelan alternatif untuk membina terminal sementara sebagai pengganti bagi membolehkan Terminal 1 dibaik pulih sepenuhnya secara serentak dengan memanfaatkan tanah lapang yang tersedia, kata Cho. Selepas kerja baik pulih selesai, kapasiti tahunan Terminal 1 dijangka meningkat daripada 54 juta penumpang ketika ini kepada sehingga 64 juta. - ©BERNAMA

Pegawai Keselamatan Dalam Negeri AS : Lebih 2,000 imigran ditahan di New York

WASHINGTON, 2 Sept. - Setiausaha Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat (DHS) Markwayne Mullin pada Selasa mengumumkan bahawa ejen Penguatkuasaan Imigresen dan Kastam (ICE) menahan 2,197 imigran di seluruh negeri New York dari lewat Julai hingga lewat Ogos dalam satu operasi, lapor Xinhua. Pada sidang media di New York City, Mullin berkata "Operation Rotten Apple" melakukan apa yang enggan dilakukan oleh ahli politik di New York City dan negeri New York, iaitu menjadikan Empire State lebih selamat, sambil berkata operasi itu tidak menerima sebarang bantuan daripada Datuk Bandar Zohran Mamdani dan Gabenor Kathy Hochul.

"Sepanjang operasi ini, kami menahan pembunuh, perogol, pencedar dadah dan penyerang ganas," kata Mullin. Menurut Homan, ahli politik Demokrat di New York dan kawasan lain mendakwa mengambil berat soal keselamatan awam, namun enggan membenarkan pihak imigresen mengambil alih tahanan penjenayah sebelum mereka dibebaskan. "Ini langsung tidak masuk akal," katanya. Hochul pula menyangkal kenyataan pegawai DHS itu dengan berkata pada sidang media berasingan pada hari sama bahawa "kami bukan negeri perlindungan bagi penjenayah" serta menuduh pentadbiran berkenaan mengelirukan orang

ramai. "Ini mesej saya kepada presiden: Jangan mejas usaha keselamatan awam kami. Jangan potong dana polis yang menggagalkan serangan pengganas. Jangan bermain politik dengan nyawa orang ramai," kata Hochul. "Salurkan US\$87 juta yang anda berhutang kepada kami, kerana jika anda tidak menyalurkan dana antikeganasan itu, anda mengkhianati setiap keluarga yang kehilangan insan tersayang dalam serangan 11 Sept," katanya sambil menyatakan bahawa DHS, agensi yang diwujudkan sebagai tindak balas terhadap serangan 11 Sept, menahan 40 peratus daripada dana antikeganasan negeri New York. - ©BERNAMA

Peru isytihar darurat di hampir 900 daerah susulan risiko El Nino

LIMA, 2 Sept. - Kerajaan Peru pada Selasa mengisytiharkan darurat selama 60 hari di 893 daerah merangkumi 23 wilayah susulan risiko akibat hujan lebat yang dikaitkan dengan fenomena El Nino 2026-2027, lapor Xinhua.

Langkah itu diwartakan menerusi dekri tertinggi yang disiarkan dalam warta rasmi El Peruano bagi mencegah dan mengurangkan risiko akibat hujan lebat dalam beberapa bulan akan datang.

Kerajaan wilayah akan melaksanakan pelan intervensi di bawah penyelarasan teknikal dan pemantauan Institut Pertahanan Awam Kebangsaan, dengan sokongan kementerian berkaitan serta institusi awam dan swasta.

Dekri itu menyatakan bahawa langkah berkenaan mesti berkait secara langsung dengan ancaman iklim dan boleh diselaraskan sepanjang pelaksanaannya berdasarkan keperluan keselamatan serta laporan teknikal.

Kerajaan berkata keputusan itu dibuat berdasarkan laporan yang memberi amaran bahawa keupayaan tindak balas kerajaan wilayah telah terjejas, sekali gus memerlukan bantuan operasi dan teknikal di peringkat nasional. - ©BERNAMA



PENYERTAAN NEGARA JIRAN TINGKATKAN CABARAN KEJOHANAN FUTSAL PIALA KEPUTERAAN 2026

SEKITAR Mesyuarat Pengurus-pengurus dan Cabutan Undi kejohanan di Dewan Teater Jabatan Daerah Brunei dan Muara (kanan dan kanan sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. — Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2026 akan meningkatkan cabaran pasukan-pasukan tempatan selepas Pasukan Republik Singapura dan Malaysia telah mengesahkan menyertai kejohanan dwitahunan itu.

"Saya yakin dengan penyertaan pasukan-pasukan dari negara jiran itu akan menambah seri lagi persaingan kejohanan yang telah mendapatkan sambutan yang sangat menggalakkan ini," jelas Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Thomas Koh pada Mesyuarat Pengurus-pengurus dan Cabutan Undi kejohanan di Dewan Teater Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Katanya, kejohanan berkenaan akan menjadi platform terbaik untuk menggilap bakat dan potensi pemain-pemain tempatan sekali gus membantu untuk mengembang majukan lagi sukan futsal di negara ini.

Kejohanan telah dibahagikan kepada empat kumpulan yang beraksi secara liga dalam kumpulan sebelum mara ke pusingan suku akhir dan seterusnya melangkah ke peringkat separuh akhir dan perlawanan akhir.

Kumpulan 'A' menyaksikan Pasukan Wirajaya, MSSSBD, PES, Syahkampong,



Berita dan Foto : Ihsan Urus Setia Futsal Keputeraan 2026

SBC A dan Kumpulan 'B' diwakili oleh Pasukan-pasukan SBC B, Wasik FC A, AEXS, ISC B dan BK Sahabat.

Sementara itu, Kumpulan 'C' akan dibarisi oleh Pasukan-pasukan YND, Fenix FT, KAR, ISC A dan Wasik FC B manakala Pasukan DS X Kota, Makkah FC, ASEAN Futsal, BK Sahabat X AR akan bersaing dalam Kumpulan 'D'.

Kejohanan Futsal Keputeraan 2026 merupakan salah satu acara bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Juara dunia F1 Lando Norris lancar pasukan junior sendiri

LONDON, 3 Sept. - Juara dunia Formula One (F1) Lando Norris melancarkan pasukan juniornya sendiri, LN4 Fusion, pada Rabu, menjelang Grand Prix Itali hujung minggu ini, lapor PA Media/dpa.

Pasukan itu akan menyertai kejuaraan F3 musim depan serta F4 Itali dan Kejuaraan Eropah Serantau Formula FIA. Kemasukan ke F2 iaitu batu loncatan untuk ke F1 turut dalam perancangan.

Norris, yang merangkul kejuaraan sulungnya musim lepas, berkata beliau berhasrat untuk mencipta pasukan perlumbaan remaja terbaik di dunia sambil berusaha membantu pemandu muda memajukan diri.

"Saya benar-benar bertuah kerana mempunyai beberapa orang hebat di sekeliling saya sepanjang karier dan saya tahu bahawa untuk ke F1 memerlukan lebih daripada sekadar

bakat," kata Norris.

"Anda memerlukan individu yang betul di sekeliling anda, sokongan yang betul dan peluang yang tepat pada masa yang sesuai."

Pasukan itu, yang diasaskan Norris bersama kumpulan pelaburan, akan berpangkalan di Veneto, di utara Itali, dan akan dikendalikan oleh ketua pasukan Rene Rosin.

Bersama LN4 Fusion, Norris juga melancarkan Program Warisan LN4 iaitu skim warisan bebas yang dibiayai sepenuhnya, bertujuan membantu pemandu muda tanpa sokongan kewangan untuk mencapai kejayaan dalam bidang sukan.

Norris menulis di Instagram: "Saya cukup bertuah untuk mencapai impian saya dan sekarang saya mahu membantu orang lain mencapai impian mereka". - ©BERNAMA

AFFIN rakan perbankan rasmi Selangor FC

KUALA LUMPUR, 4 Sept. - Kumpulan AFFIN menjalin kerjasama dengan Selangor FC sebagai rakan perbankan rasmi kelab itu dalam usaha memperkukuh penglibatan dengan pelanggan dan komuniti menerusi sukan.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AFFIN, Datuk Wan Razly Abdullah manakala Selangor FC diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Johan Kamal Hamidon.

Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Pengerusi Selangor FC menyaksikan majlis pemeteraian kerjasama itu.

Melalui kerjasama itu, kedua-dua pihak akan meneroka inisiatif merangkumi perbankan, pengalaman pelanggan, penglibatan peminat dan program komuniti.

Kerjasama itu juga dijangka memberikan

pelanggan AFFIN dan penyokong Selangor FC termasuk komuniti Red Giants akses kepada keistimewaan eksklusif dan pengalaman berkaitan bola sepak.

Wan Razly berkata kerjasama itu membolehkan AFFIN mendekatkan pelanggan dan penyokong menerusi sukan bola sepak melalui pengalaman yang unik.

"Hari ini, pelanggan mencari lebih daripada sekadar produk dan perkhidmatan kewangan. Mereka menghargai pengalaman dan hubungan yang mencerminkan gaya hidup serta minat mereka, dan sukan memberikan kami platform yang relevan untuk mewujudkan hubungan itu," katanya.

Sementara itu, Johan berkata Selangor FC mengalu-alukan kehadiran AFFIN sebagai rakan perbankan rasmi mereka ketika kelab itu berusaha meneruskan momentum terbaharunya pada peringkat domestik dan serantau. - ©BERNAMA

TAHUKAH AWDA

PRODUK kosmetik di Negara Brunei Darussalam dikawal selia oleh Peraturan Ubat-ubatan (Produk Kosmetik) 2007, yang selaras dengan Arahan Kosmetik ASEAN. Produk kosmetik hanya boleh dipasarkan selepas dimaklumkan kepada Kementerian Kesihatan melalui pengisytiharan pematuhan awal oleh pengimport atau pengilang sebelum meletakkan produk kosmetik itu di pasaran tempatan.

SUMBER : Pharmacy Services - Ministry of Health Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BINA MASYARAKAT YANG CELIK KEWANGAN DAN BERDAYA TAHAN DARI SEGI KEWANGAN